



Hujung Minggu

پروڈنی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.56 | SUBUH 5.06 | SYURUK 6.30 | DUHA 6.54 | ZUHUR 12.26 | ASAR 3.48 | MAGHRIB 6.21 | ISYAK 7.35

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 2

4 JANUARI 2025 / 1446

ربج 4

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

DOA KESYUKURAN RAIKAN KEPULANGAN 29 ANGGOTA ABDB

Oleh : Nooratini Haji Abas

BERAKAS, Jumaat, 3 Januari. - Majlis Doa Kesyukuran bagi meraikan kepulangan 29 anggota Angkatan

Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang menyertai misi pengamanan Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di Lubnan (UNIFIL) bersama Malaysian Battalion

(MALBATT) 850-11 diadakan di Surau Ad-Difa', Bolkiah Garison, pagi tadi.

>> Muka 3

NBD, Republik Rakyat China terus memperdalam ekonomi, pelancongan

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma
Pg. Haji Ali
Foto : Ihsan Biz Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 1 Januari. - Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Xiao Jianguo dalam ucapannya menyatakan NBD dan Republik Rakyat China adalah jiran sebarang laut dan juga sahabat yang dipercayai bukan sahaja rakan kongsi untuk pembangunan bersama.

Hubungan dua hala telah menghasilkan kemajuan yang berterusan serta kerjasama pragmatik dalam pelbagai bidang telah diperluaskan dan merapatkan lagi hubungan di antara kedua-dua buah negara dan warganya.

>> Muka 3

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa acara memotong reben pada majlis tersebut.



Terus memberikan pengalaman pembelajaran terbaik

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

BERAKAS, Khamis, 2 Januari. - Sesi persekolahan bagi penggal pertama tahun akademik 2025 bagi semua sekolah rendah, menengah dan maktab serta Pusat Tingkatan Enam kerajaan dan swasta di

bawah kawalan Kementerian Pendidikan dan sekolah-sekolah agama dan Arab di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) bermula hari ini.

Manakala, sesi persekolahan bagi

prasekolah di sekolah-sekolah rendah kerajaan seluruh negara akan bermula pada Isnin, 6 Rejab 1446 Hijrah bersamaan 6 Januari 2025 Masihi.

>> Muka 5

Kukuhkan kesedaran kepentingan pendidikan agama

Oleh : Khartini Hamir

BERAKAS, Khamis, 2 Januari. - Program Kemasukan Murid Darjah IV Persekolahan Ugama 'SIUK' (Sekolahku, Ilmuku, Ugamaku, Keberkatanku) merupakan salah satu inisiatif Jabatan Pengajian Islam untuk meningkatkan kualiti pendidikan agama melalui penyediaan

suasana pembelajaran dan persekitaran sekolah yang positif dan kondusif bagi murid-murid baharu persekolahan ugama.

Seramai lebih daripada 5,000 orang murid memulakan sesi persekolahan ugama mereka petang tadi melalui Program Kemasukan Murid Darjah IV Persekolahan Ugama 'SIUK' yang dikendalikan di

sekolah-sekolah ugama seluruh negara.

Bagi Daerah Brunei dan Muara, tumpuan utama adalah di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah yang melibatkan kemasukan pelajar Darjah IV seramai 148 orang terdiri daripada 85 lelaki dan 63 perempuan.

>> Muka 6

MANISNYA IMAN ایمان

"DAN ingatlah ketika Lukman berkata kepada anaknya semasa dia memberi pengajaran kepadanya : Wahai anak ku! Janganlah engkau memperseketukan Allah dengan sesuatu yang lain, sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar." - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Luqman, ayat 13.



Berita Utama



30 anak yatim terima sumbangan peralatan sekolah

Muka 4



KETENGAHKAN keunikan budaya, cara hidup masyarakat Brunei

Muka 9



KEPENTINGAN perpaduan dalam membentuk sebuah masyarakat

Muka 18



INFO Teknologi

TEKNOLOGI dalam pembuatan minuman kopi

Muka 22

Tiada sesiapapun dibiarkan tercicir dalam pembangunan negara

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillaahir Rahmaanir Raheem
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu'
Wassalaamu 'Ala Asyarahil Mursaleen,
Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa
Aalihee Wasabihee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH, beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, di atas limpah rahmat-Nya mengizinkan kita untuk melangkah ke Tahun Masihi 2025.

Semoga tahun baharu ini akan lebih mendorong kita untuk sama-sama menggalas amanah dengan penuh dedikasi dan komitmen demi mencapai perubahan lebih bermakna bagi diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara.

Untuk itu, mengekalkan perpaduan adalah penting, kerana perpaduan merupakan kunci pembangunan, di mana setiap lapisan masyarakat jika kekal bersatu, hidup harmoni, saling hormat menghormati dan bekerjasama, maka segala cabaran akan dapat ditangani dengan baik.

Ditambah lagi dengan pegangan ugama yang kuat, akan memastikan Brunei Darussalam menjadi sebuah negara yang aman, makmur dan kekal merdeka lagi berdaulat.

Adapun pendukung negara itu ialah rakyat terutama para belia. Mereka lah harapan masa depan yang dikehendaki untuk terus menimba ilmu dan kemahiran. Bagi mereka terbuka banyak peluang, maka rebutlah peluang itu.

Menyentuh mengenai ekonomi negara, ianya alhamdulillah, masih sahaja berdaya

tahan sekalipun berhadapan dengan ketidaktentuan situasi global.

Pihak International Monetary Fund (IMF), Bank Pembangunan Asia (ADB) dan ASEAN+3 Macroeconomic Research Office (AMRO) telah meramalkan pertumbuhan ekonomi negara pada tahun 2025 masing-masing sebanyak 2.5 peratus; 2.8 peratus dan 2.9 peratus. Jangkaan ini adalah hasil daripada peningkatan dalam pengeluaran sektor hiliran.

Dalam masa yang sama, langkah kerajaan untuk mempelbagaikan ekonomi negara, khususnya dalam Sektor Bukan Minyak dan Gas telah menunjukkan trend yang positif.

Sehubungan itu, kerajaan beta juga akan terus memberikan tumpuan kepada beberapa aspek penting, khususnya mempertingkatkan lagi usaha bagi menarik lebih banyak Pelaburan Langsung Asing (FDI) yang berkualiti dan berimpak besar kepada negara ini.

Dalam pada itu juga, perniagaan tempatan, khasnya Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) akan terus dibantu dan diperkuatkuhan untuk membolehkan mereka memanfaatkan peluang perniagaan yang dihasilkan daripada Pelaburan Langsung Asing (FDI) ini dan juga untuk menembusi pasaran serantau dan antarabangsa.

Fokus juga akan diberikan kepada meningkatkan pembangunan sumber manusia tempatan melalui pendidikan dan latihan kemahiran yang seajar dengan keperluan industri.

Di arena antarabangsa pula, Negara Brunei Darussalam (NBD) akan tetap berpegang kepada dasar luarnya yang menekankan keseimbangan dalam menimbangkan kepentingan serantau dan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan and Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Titah Perutusan bersempena Menyambut Tahun Baharu Masihi 2025 pada Selasa, 31 Disember 2024.

pembangunan ekonomi.

Keahlian dan penglibatan aktif negara dalam pertubuhan serantau dan antarabangsa seperti ASEAN dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), adalah mencerminkan

komitmen dan sokongan berterusan kita terhadap kerjasama multilateralisme, dan menanai perundungan antarabangsa.

>> Muka 8

WAKTU SEMBAHYANG

JANUARI MASIHI	HARI	REJAB HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
4	SABTU	4	4.56	5.06	6.30	6.54	12.26	3.48	6.21	7.35
5	AHAD	5	4.57	5.07	6.30	6.54	12.27	3.48	6.21	7.35
6	ISNIN	6	4.57	5.07	6.30	6.55	12.27	3.49	6.21	7.36
7	SELASA	7	4.58	5.08	6.31	6.55	12.27	3.49	6.22	7.36
8	RABU	8	4.58	5.08	6.31	6.55	12.28	3.50	6.22	7.37
9	KHAMIS	9	4.59	5.09	6.32	6.56	12.28	3.50	6.23	7.37
10	JUMAAT	10	4.59	5.09	6.32	6.56	12.29	3.51	6.23	7.37

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan		
31 °C	30 °C	30 °C
Pekan Bangar		
31 °C	31 °C	30 °C
25 °C	24 °C	25 °C
Pekan Tutong		
31 °C	30 °C	30 °C
25 °C	24 °C	24 °C
Kuala Belait		
31 °C	31 °C	30 °C
25 °C	24 °C	24 °C
Wallauhala Bissawab	www.mef.gov.bn	
Sumber : Perkhidmatan Kajiciuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابن قراغن، جابن فردان منتری دان ڈچیتو اوله فرینت قلس سندیرین بحد، نکارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

SIDANG PENGARANG

4 JANUARI 2025

Niatkan segala usaha kerana Allah

SYUKUR ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, di atas limpah rahmat-Nya mengizinkan kita untuk melangkah ke Tahun Baharu 2025. Setentunya tahun baharu adalah waktu yang sesuai dan tepat untuk menetapkan tujuan yang ingin dicapai agar kita lebih bersemangat, fokus dan produktif.

Semoga tahun baharu ini juga akan lebih mendorong kita untuk sama-sama menggalas amanah dengan penuh dedikasi dan komitmen dalam mencapai perubahan lebih bermakna bagi diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara.

Kita selaku umat Islam diingatkan untuk menjadikan setiap langkah kita sebagai ibadah, memohon perlindungan dan mengharapkan pertolongan Allah Subhanahu Wata'ala dalam menjaga diri daripada keburukan.

Selain itu, kita perlu muhasabah diri dan merenung segala yang telah kita lakukan pada tahun lepas. Jika ia masih berada di takut lama maka sewajarnya kita akan berusaha dengan lebih gigih lagi agar segala apa yang kita hajatkan akan tercapai pada tahun baharu ini. Setiap kegagalan adalah kesempatan untuk belajar dan berkembang. Yang penting adalah untuk tidak menyerah.

Di samping itu, usaha memburu kejayaan juga merupakan satu ibadah iaitu ibadah sunat. Setiap kali kita berusaha, hendaklah berniat kerana Allah supaya apa yang dilakukan menjadi ibadah. Dengan yang demikian, setiap perkara yang kita lakukan kerana ibadah akan dibalas dengan pahala, di samping setiap azam yang hendak dicapai akan diper mudahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Setiap azam yang akan dicapai itu hendaklah diniatkan untuk kebaikan bersama bukan untuk kepentingan peribadi. Islam amat menggalakkan setiap sesuatu yang dilakukan dan diraih itu adalah untuk kebaikan bersama dan bukannya untuk menunjuk-nunjuk.

Dalam pada itu, marilah kita bersama-sama menyahut seruan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mengekalkan perpaduan kerana perpaduan adalah kunci pembangunan. Setiap lapisan masyarakat jika kekal bersatu, hidup harmoni, saling hormat menghormati dan bekerjasama, maka segala cabaran akan dapat ditangani dengan baik. Sebagai rakyat dan penduduk di negara ini, marilah kita sama-sama berusaha mempertahankan keamanan dan kesejahteraan yang kita kecap selama ini.

Jadikan matlamat kita untuk tahun 2025 ini lebih jelas dengan usaha yang lebih gigih bagi mencapai impian lebih tinggi. Setiap langkah kecil mampu mencipta impak besar jika kita bergerak bersama. Semoga tahun 2025 membawa kebahagiaan, kejayaan dan keberhasilan yang lebih besar. Untuk itu, jangan lupa untuk terus melangkah maju dengan penuh semangat dan optimis. - Ketua Penyuntingan (Ad)

Doa Kesukuran raikan kepulangan 29 anggota ABDB



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir pada Majlis Doa Kesukuran dan seterusnya menyampaikan Sijil Penghargaan kepada para penerima (atas, kanan dan bawah kanan).

>> Muka 1

Kontinjen yang diketuai oleh Mejai Hafizi bin Sabli terdiri daripada tiga pegawai, 26 anggota lain-lain peringkat, termasuk dua anggota askar wanita, berjaya menamatkan penugasan selama 13 bulan dan selamat kembali ke Negara Brunei Darussalam (NBD) pada 14 Disember 2024 yang lalu.

Hadir pada majlis berkenaan dan seterusnya menyempurnakan penyampaian Sijil Penghargaan kepada ahli-ahli kontinjen, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir ialah Pemerintah ABDB, Mejai Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin

Bol Hassan; bakal Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke NBD, Tuan Yang Terutama Datuk Mohd. Aini bin Atan; Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif Pertahanan dan ABDB, wakil Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Penasihat Pertahanan Malaysia di Suruhanjaya Tinggi Malaysia ke NBD, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pertahanan serta ahli keluarga anggota-anggota yang menyertai misi pengamanan.

Majlis juga turut diselitkan dengan tazkirah bertajuk 'Pengorbanan dan Jasa Dalam Menjaga Keamanan', disampaikan oleh Pegawai Turus Gerakan Agama Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Mejai Narulismany @ Anwar Hadi bin Haji Samaih.

Perjalanan misi UNIFIL bagi kontinjen MALBATT 850-11 kali ini

penuh dengan pelbagai cabaran, dengan keadaan yang memerlukan langkah berjaga-jaga yang lebih teliti dalam memastikan keselamatan anggota dan kelancaran operasi.

Selain itu, mengekalkan semangat dan moral anggota ABDB serta memastikan sokongan keluarga di tanah air turut menjadi aspek penting sepanjang penugasan.

Sejak 2008, seramai 464 anggota terlibat dalam misi UNIFIL, menegaskan kembali komitmen teguh NBD dalam memupuk keamanan dan kestabilan global selaras dengan Resolusi 1701 Majlis Keselamatan PBB (2006).

Penglibatan berterusan berkenaan memaparkan profesionalisme, kecekalan, dan komitmen anggota ABDB, di samping memperkuuh peranan

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



strategik NBD dalam diplomasi pertahanan antarabangsa.

Di samping itu, ia juga memperkasakan martabat negara sebagai anggota

masyarakat antarabangsa yang bertanggungjawab dan proaktif, komited terhadap usaha mempromosi keselamatan serta kestabilan sejagat.

NBD, REPUBLIK RAKYAT CHINA TERUS MEMPERDALAM EKONOMI, PELANCONGAN

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Ihsan Biz Brunei



Penerbangan Pertama GallopAir x China Southern COMAC C909 Guangzhou ke Bandar Seri Begawan yang berlangsung di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, baru-baru ini.

Tuan Yang Terutama juga mengongsikan perkembangan terkini bagi warga asing berkunjung ke Republik Rakyat China dengan melaksanakan dasar bebas visa unilateral kepada warga beberapa buah negara termasuk NBD, di mana ia membolehkan warga NBD



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut (atas dan kiri).

untuk berada di Republik Rakyat China bagi 15 hari lagi tanpa visa.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dan Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Abdul

Manaf bin Haji Metussin.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Ketua Pegawai Eksekutif GallopAir, Cham Chi yang antara lain menekankan bahawa laluan ini melambangkan pengukuhan ekonomi, kebudayaan dan hubungan sosial antara NBD dan Republik Rakyat China.

Ini, tambahnya lagi, mencerminkan komitmen

GallopAir dalam menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan NBD dan dalam masa yang sama menyokong Wawasan Brunei 2035.

Majlis diserikan dengan acara memotong reben oleh Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet dan TYT. Para tetamu juga dijemput menyaksikan dan mengadakan lawatan ke pesawat C909.

>> Muka 1

"Kami percaya bahawa pembukaan penerbangan terus dari Guangzhou ke NBD akan memperdalam lagi ekonomi dan perdagangan, pelancongan dan kerjasama lain antara kedua-dua negara kita dan akan menyumbang kepada integrasi BIMP-EAGA dan ASEAN," kongsi Tuan Yang Terutama Xiao Jianguo pada Majlis

30 ANAK YATIM TERIMA SUMBANGAN PERALATAN SEKOLAH

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

TANAH JAMBU, Jumaat, 3 Januari. - Dalam usaha mengukuhkan semangat perpaduan dan kerjasama dalam kalangan penduduk, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Berserumpun Kawasan 4 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor Mengkubau, Mukim Mentiri telah menganjurkan projek tahunan pertama bertemakan Santunan Kasih Berserumpun Pencinta Yatim.

Acara yang mengambil tempat di Dewan Muafakat Peladang Kampung Tanah Jambu bertujuan

untuk berbagi rezeki terutama anak-anak yatim khusus Kawasan 4 dengan menyediakan peralatan-peralatan sekolah bagi tahun 2025.

Seramai 30 anak yatim menerima pelbagai sumbangan berupa beg sekolah, buku, alat tulis dan kelengkapan pembelajaran lain yang diperoleh hasil kerjasama penduduk kampung, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan syarikat-syarikat swasta.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji

Lamat yang juga selaku Ketua Kampung Subok.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan Doa Selamat, diikuti ucapan oleh Ketua Kampung Kawasan 4, RPN Kampung Panchor, Awang Faidil Rosemady bin Mohamad.

Seterusnya, majlis turut menyaksikan penyampaian sijil pelantikan kepada Ahli MPK Sesi 2024-2028, yang terdiri daripada 25 orang termasuk lima Ahli MPK Tertinggi dan 20 Ahli Biro MPK. Program diakhiri dengan jamuan ringan dan sesi bergambar ramai sebagai tanda kenangan.

Selain itu, penerima sumbangan juga menyatakan rasa syukur dan terima kasih atas inisiatif tersebut,

yang bukan sahaja meringankan beban mereka tetapi juga membuat mereka merasa dihargai dan disayangi oleh masyarakat sekitar.

Projek Santunan Kasih ini

diharapkan menjadi tradisi tahunan yang terus membawa manfaat kepada komuniti, sejajar dengan tema MPK, 'Berserumpun, Bersepakat membawa Berkat'.



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan sijil pelantikan kepada Ahli MPK Sesi 2024-2028 (atas). Manakala gambar kiri, antara yang hadir pada majlis berkennaan.

MKM ungkayahkan khidmat gunting rambut percuma

Oleh : Aimi Sani
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

ANGGEREK DESA, Jumaat, 3 Januari. - Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM) hari ini mengungkayahkan Sesri Bergunting Rambut untuk 30 kanak-kanak lelaki klien MKM, sebagai persediaan mereka memulakan penggal pertama persekolahan tahun 2025.

Sesi Bergunting Rambut tersebut ditaja secara percuma oleh Unothodox Barber Studio, sebuah syarikat kedai gunting rambut lelaki yang majoriti tukang guntingnya terdiri daripada anak-anak tempatan.

Dengan adanya sesi bergunting ini, ia akan dapat memberikan peluang kepada syarikat-syarikat serta firma swasta untuk berkolaborasi dengan MKM dalam sama-sama mengungkayahkan apa jua projek amal khususnya dalam membantu golongan yang memerlukan di negara ini.

Dalam usaha membantu klien-klien MKM, beberapa usaha dan inisiatif juga dibuat bagi membantu mereka pada tahun 2025 ini termasuklah Kempen Kembali Ke Sekolah.



SESI Bergunting Rambut yang diungkayahkan oleh Majlis Kesejahteraan Masyarakat ditaja secara percuma oleh Unothodox Barber Studio.

MAKLUMAN

Kalendar Tahun 2025 terbitan Jabatan Penerangan akan diedarkan secara walk-in mulai:

Isnin, 6 Rejab 1446H bersamaan 6 Januari 2025M hingga Khamis, 9 Rejab 1446H bersamaan 9 Januari 2025M, jam 1.30 petang hingga 3.30 petang.

Lokasi-lokasi pengedaran:

- Ibu Pejabat Jabatan Penerangan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Daerah Brunei dan Muara.
- Cawangan Penerangan Daerah Belait, Jalan Lorong Bolkiah, Seria, Daerah Belait.
- Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Bangunan Jabatan-jabatan Kerajaan, Daerah Tutong.
- Cawangan Penerangan Daerah Temburong, Bangunan Jabatan-jabatan Kerajaan, Bangar, Daerah Temburong.



Jumlah Kalendar adalah TERHAD
Pengedaran Kalendar sehingga kalendar habis

TERUS MEMBERIKAN PENGALAMAN PEMBELAJARAN TERBAIK

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Azmah Haji Ahad

>> Muka 1

Sementara itu, sekolah-sekolah antarabangsa dan Pusat-pusat Latihan, Institusi Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS) pula akan bermula mengikut kalender akademik masing-masing.

Sempena bermulanya sesi persekolahan baharu berkenaan, Kementerian Pendidikan sukacita menyeru dan menasihatkan para ibu bapa dan penjaga untuk memberikan kerjasama dalam memastikan anak-anak mereka menghadiri sesi persekolahan agar tidak tercincir dalam pembelajaran atau mendapat pendidikan, lebih-lebih lagi bagi yang dalam lingkungan umur Akta Pendidikan Wajib.

Dalam temu bual bersama Guru Besar Sekolah Rendah Delima Satu Kluster 3, Dayang Sharinah binti Haji Shahbudin menjelaskan pihak sekolah giat membuat pelbagai persediaan rapi untuk memastikan sesi persekolahan berjalan dengan lancar dan teratur, demi memberi pengalaman pembelajaran yang terbaik kepada para pelajar.

"Persediaan ini merangkumi penyusunan semula bilik darjah untuk memastikan susun atur yang

lebih sesuai, penyelenggaraan kemudahan asas seperti meja, kerusi, papan putih dan alat bantu mengajar, serta penyediaan pelbagai kemudahan pembelajaran yang relevan dengan keperluan semasa.

"Selain itu, usaha turut diambil untuk memastikan persekitaran sekolah sentiasa bersih, selesa, dan kondusif, agar para pelajar dapat belajar dalam suasana yang selamat dan menyenangkan.

"Di samping itu, guru-guru juga memainkan peranan penting dengan merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang kreatif dan berkesan, termasuk menyediakan bahan pengajaran inovatif serta strategi pembelajaran yang dapat meningkatkan kefahaman dan minat pelajar terhadap pelajaran sepanjang tahun akademik yang baru ini," jelas beliau.

Dayang Sharinah seterusnya berkata, pihak sekolah dalam memastikan pelajar hadir ke sekolah secara konsisten seperti yang diwajibkan oleh Akta Pendidikan Wajib, telah mengambil langkah seperti pemantauan kehadiran harian dengan guru-guru bertanggungjawab untuk mencatat kehadiran pelajar setiap hari, manakala pihak pentadbiran sekolah akan meneliti catatan kehadiran berkenaan bagi mengenal pasti pelajar yang kerap

tidak hadir.

Tambahnya, jika terdapat pelajar yang menunjukkan corak ketidakhadiran yang berulang, pihak sekolah akan segera mengambil langkah untuk berhubung dengan ibu bapa atau penjaga bagi memahami sebab ketidakhadiran berkenaan.

Selain itu ujarnya lagi, pihak sekolah juga mengadakan program atau Kempen Kesedaran kepada pelajar dan ibu bapa tentang kepentingan pendidikan, peranan Akta Pendidikan Wajib, dan implikasi ketidakhadiran terhadap prestasi akademik.

Di samping itu katanya, sekolah turut menyediakan sokongan tambahan seperti kelas pemulihan, kaunseling, atau bantuan kebajikan kepada pelajar yang menghadapi cabaran untuk hadir ke sekolah, sama ada disebabkan oleh masalah akademik, keluarga, atau faktor lain.

"Kerjasama dengan ibu bapa melibatkan komunikasi aktif, perjumpaan berkala, dan penyertaan dalam aktiviti sekolah seperti Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) yang membuka ruang untuk perbincangan dan penyelesaian isu berkaitan kehadiran pelajar.

"Pihak sekolah juga bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dan agensi lain, seperti Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), untuk

menangani isu sosial atau ekonomi yang menyebabkan ketidakhadiran.

"Dalam kes serius, laporan akan dibuat kepada pihak berkuasa untuk tindakan lanjut, memastikan pendidikan berkualiti dicapai oleh semua pelajar.

"Justeru, pendekatan menyeluruh ini menunjukkan komitmen pihak sekolah, ibu bapa, dan pihak berkaitan untuk memastikan setiap kanak-kanak menerima pendidikan berkualiti, sejajar dengan keperluan Akta Pendidikan Wajib," ujarnya lagi.



GURU Besar Sekolah Rendah Delima Satu Kluster 3, Dayang Sharinah binti Haji Shahbudin.



GURU-guru memainkan peranan penting dengan merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang kreatif dan berkesan.

Pastikan pelajar hadir ke sekolah secara konsisten



PENGETUA Sekolah Menengah Sayyidina Hasan, Awang Moss bin Mat Juni semasa ditemu bual.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Mat Juni semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei menjelaskan antara langkah yang diambil oleh pihak sekolah ialah dengan memastikan kawasan persekitaran sekolah berada dalam keadaan bersih, selesa, kondusif dan selamat bermula dari tempat penurunan pelajar hingga ke kawasan menuju ke bilik-bilik darjah, bilik-bilik khas, dewan serbaguna, perpustakaan, kantin dan surau.

"Setiap bilik di mana berlakunya pengajaran dan pembelajaran telah disediakan kerusi dan meja yang cukup serta alat-alatan keperluan yang lain seperti papan tulis putih dan LCD Projectors," tambahnya.

Bagi membantu mengoptimumkan kesediaan mental pelajar memulakan sesi persekolahan, beliau kemudiannya menjelaskan beberapa program disediakan seperti sesi pengenalan dan orientasi mini bagi membantu pelajar beradaptasi kepada suasana bilik darjah, guru-guru, rakan-rakan sedarjah serta pilihan mata pelajaran yang baharu.

Beberapa juga program pembentukan sahsiah dan jati diri juga disediakan bagi pelajar-pelajar baharu dan sedia ada seperti Bengkel Mini Growth Mindset dan motivasi, ujarnya lagi.

Terangnya lagi, pihak sekolah juga memastikan setiap ibu bapa / penjaga pelajar mendapat apa jua maklumat terkini mengenai sesi persekolahan melalui surat makluman yang dikongsikan

melalui platform media sosial dan juga taklimat bersemuka semasa sesi orientasi pelajar baharu.

Dalam konteks Akta Pendidikan Wajib di Brunei, Pengetua Sekolah Menengah Sayyidina Hasan seterusnya menjelaskan pihak sekolah telah melaksanakan beberapa usaha untuk memastikan pelajar hadir ke sekolah secara konsisten.

"Setiap kehadiran pelajar direkodkan secara sistematis dan pihak sekolah akan sentiasa menyemak maklumat ini secara berterusan untuk mengenal pasti mana-mana pelajar yang mempunyai masalah kehadiran.

"Sekolah juga menyediakan sesi bimbingan bagi pelajar yang menghadapi kesulitan untuk hadir ke sekolah. Kaunselor sekolah akan berinteraksi dengan pelajar dan keluarganya untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi dan memberikan sokongan yang diperlukan," tambah beliau lagi.

Beliau seterusnya menjelaskan pihak sekolah juga sentiasa menggalakkan ibu bapa / penjaga untuk terlibat sama dalam proses pendidikan anak-anak mereka.

Perjumpaan bersemuka semasa sesi orientasi dan Parents Teachers Meet (PTM) merupakan dua platform bagi membuka peluang membentuk kesedaran mengenai dengan Akta Pendidikan Wajib 2003 dan kepentingan kehadiran serta menyediakan maklumat tentang cara mereka boleh membantu memotivasi anak-anak untuk hadir ke sekolah,



PARA ibu bapa dan penjaga dinasihatkan untuk memberi kerjasama dalam memastikan anak-anak mereka menghadiri sesi persekolahan.

ujarnya.

Pihak sekolah turut bekerjasama rapat dengan Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, terang beliau lagi, dalam mendapatkan sokongan tambahan jika masih menghadapi masalah ketidakhadiran pelajar setelah tindakan - tindakan awal tidak membawa hasil positif mengenainya.

Pihak sekolah juga mengamalkan pengiktirafan dan penganugerahan bagi mana-mana pelajar yang hadir secara konsisten dalam bentuk sijil dan hadiah yang bertujuan untuk memotivasi pelajar lain agar mengutamakan kehadiran, jelasnya.

Manakala sesi persekolahan bagi prasekolah di sekolah-sekolah rendah kerajaan seluruh negara

akan bermula pada 6 Januari 2025.

Sementara itu, sekolah-sekolah antarabangsa dan pusat-pusat latihan, Institusi Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Awam dan swasta pula akan bermula mengikut kalender akademik masing-masing.

Sempena bermulanya sesi persekolahan baharu ini, Kementerian Pendidikan sukacita menyeru dan menasihatkan para ibu bapa dan penjaga untuk memberikan kerjasama dalam memastikan anak-anak mereka menghadiri sesi persekolahan agar tidak tercincir dalam pembelajaran atau mendapat pendidikan, lebih-lebih lagi bagi yang dalam lingkungan umur Akta Pendidikan Wajib.

Program Kemasukan Murid Darjah IV Persekolahan Ugama 'SIUK'

Daerah Brunei dan Muara

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

>> Muka 1

Dalam temu bual Pelita Brunei bersama Guru Besar sekolah berkenaan, Dayang Hamny binti Panjang berkata, jumlah kemasukan pelajar Darjah IV tahun ini ke sekolah berkenaan adalah meningkat berbanding tahun lalu berjumlah 131 orang pelajar.

GURU Besar Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, Dayang Hamny binti Panjang semasa ditemu bual.



Justeru beliau melahirkan harapan agar para pelajar Darjah IV dapat menyesuaikan diri semula kembali ke sesi persekolahan ugama setelah melalui fasa persekolahan secara integrasi, selain murid-murid dapat memperbaiki lagi kemahiran pelajaran ugama terutama sekali dalam mata pelajaran Al-Quran dan mata pelajaran yang lain.

"Sekolah juga berharap agar semua pelajar dapat memperbaiki

mutu pembelajaran sama ada di sekolah maupun mengulang kaji di rumah dan dapat menambah lagi kefahaman tentang ilmu-ilmu agama dan seterusnya berjaya menamatkan sesi persekolahan ugama sehingga lulus Darjah VI," ujarnya.

Tambahnya lagi, sekolah juga berharap agar semua para pelajar dapat meningkatkan lagi usaha bermula dari Darjah IV sehingga Darjah VI dalam membuat persediaan bagi menghadapi

Peperiksaan Sijil Sekolah-sekolah Rendah (SSRU) nanti terutama bagi mata-mata pelajaran wajib dan lulus dengan cemerlang.

Program yang diadakan selama empat hari ini diisikan dengan pelbagai aktiviti keagamaan, pendidikan dan pembentukan sahsiah bertujuan bagi mengukuhkan kesedaran akan kepentingan pendidikan agama di samping memperkasa nilai-nilai Islam dan positif dalam kalangan murid.



SUASANA pada Program Kemasukan Murid Darjah IV Persekolahan Ugama 'SIUK' (Sekolahku, Ilmuku, Ugamaku, Keberkatanku) (atas dan kiri).



SEKITAR Program Kemasukan Murid Darjah IV Persekolahan Ugama 'SIUK' (Sekolahku, Ilmuku, Ugamaku, Keberkatanku) yang diadakan di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Norain (atas dan bawah).



TUTONG, Khamis, 2 Januari. - Seramai 598 murid Darjah IV daripada 30 buah sekolah ugama Daerah Tutong telah memulakan sesi persekolahan ugama bagi Darjah IV hari ini melalui Program Kemasukan Murid Darjah IV Persekolahan Ugama 'SIUK'

(Sekolahku, Ilmuku, Ugamaku, Keberkatanku) yang dikendalikan di sekolah-sekolah ugama seluruh negara.

Pada kunjungan ke salah sebuah sekolah di Daerah Tutong, program di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Norain diisi

dengan taklimat pengenalan, akademik dan peraturan sekolah serta sesi soal jawab bersama ibu bapa dan penjaga yang hadir.

Guru Besar sekolah berkenaan, Dayang Hajah Norsaisah binti Haji Musa dalam taklimat yang disampaikan antara lain

Daerah Tutong

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

menjelaskan visi dan misi Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Norain iaitu visinya, 'Ke Arah Kejayaan Yang Cemerlang' dan misi pula, 'Malahirkan generasi yang beriman, berilmu, beramal serta bertanggungjawab kepada agama, bangsa dan negara'.

Pada tahun ini katanya, seramai 63 murid Darjah IV termasuk murid-murid di bawah Unit Pendidikan Khas (UPK) telah diterima masuk di sekolah berkenaan dan akan dibahagikan kepada empat buah kelas.

Selain itu, beliau juga menyentuh mengenai mata pelajaran yang wajib lulus bagi Darjah IV iaitu Al-Quran, Amali Agama dan Tauhid.

Menurutnya, jika didapat markah Al-Quran atau Amali Agama atau Tauhid gagal, sedangkan peratus keseluruhan markah lulus, maka murid tersebut adalah dikira gagal sama ada dalam peperiksaan pertengahan tahun atau akhir tahun.

Guru Besar seterusnya memaklumkan murid-murid mengenai panduan ringkas peraturan sekolah berkenaan dengan pakaian murid lelaki dan pakai murid perempuan bagi persekolahan ugama yang dibenarkan.

"Kehadiran murid hendaklah tidak kurang daripada 85 peratus,

jika kurang daripada jumlah tersebut maka murid tidak akan dapat menduduki peperiksaan akhir tahun.

Surat akan dikirim kepada ibu bapa atau penjaga murid mengenai kehadiran murid yang tidak hadir tanpa makluman selama tiga hari berturut-turut," tegasnya.

Ibu bapa atau penjaga seterusnya diingatkan untuk sentiasa berhati-hati dengan orang asing semasa dalam waktu persekolahan terutama menunggu ibu bapa semasa balik sekolah.

Tambahnya, murid-murid juga dilarang membawa telefon bimbit atau apa saja alat media sosial, majalah-majalah dan sebagainya.

Program yang diadakan selama empat hari itu diisikan dengan pelbagai aktiviti keagamaan, pendidikan dan pembentukan sahsiah bertujuan bagi mengukuhkan kesedaran akan kepentingan pendidikan agama di samping memperkasa nilai-nilai Islam dan positif dalam kalangan murid.

Ia adalah merupakan salah satu inisiatif Jabatan Pengajian Islam untuk meningkatkan kualiti pendidikan ugama melalui penyediaan suasana pembelajaran dan persekitaran sekolah yang positif dan kondusif bagi murid-murid baharu persekolahan ugama.

Program Kemasukan Murid Darjah IV Persekolahan Ugama 'SIUK'

Daerah Belait

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Alishahrin Haji Mumin

BELAIT, Khamis, 2 Januari. - Program Kemasukan Murid Darjah IV Persekolahan Ugama 'SIUK' (Sekolahku, Ilmuku, Ugamaku, Keberkatanku) merupakan satu inisiatif Jabatan Pengajian Islam (JPI) bagi menyambut kemasukan murid baharu ke sekolah ugama dengan penuh kesyukuran dan keberkatan.

Tema Program Kemasukan Murid Darjah IV Persekolahan Ugama 'SIUK' memberi tumpuan kepada pembangunan ilmu, iman dan akhlak mulia serta mendorong murid untuk melihat sekolah sebagai tempat memperoleh keberkatan dalam menuntut ilmu.

Program berkenaan diadakan

untuk membantu murid menyesuaikan diri dengan persekitaran sekolah dan memberi pendedahan awal tentang visi, misi dan nilai yang diterapkan di persekolahan ugama.

Sehubungan dengan itu, pihak JPI melalui sekolah-sekolah ugama seluruh negara melaksanakan program berkenaan bagi memudahkan pendaftaran, penilaian dan pengenalan murid baharu yang akan memulakan sesi persekolahan ugama pada hari ini.

Program yang diadakan selama empat hari berkenaan diisikan dengan pelbagai aktiviti keugamaan, pendidikan dan pembentukan sahsiah bertujuan

bagi mengukuhkan kesedaran akan kepentingan pendidikan ugama di samping memperkasa nilai-nilai Islam dan positif dalam kalangan murid.

Antara tujuan program adalah bagi memberi pendedahan kepada murid tentang konsep 'SIUK' bagi membina kesedaran dalam kalangan murid tentang pentingnya pendidikan ugama yang berkualiti dengan konsep keberkatan. Di samping itu, untuk memupuk semangat ukhuwah dalam kalangan murid baharu dan memperkenalkan budaya dan nilai-nilai Islam yang diterapkan di sekolah ugama.

Sasaran Program Kemasukan Murid Darjah IV Persekolahan Ugama 'SIUK' bagi Daerah Belait ialah sebanyak 16 buah sekolah dan jumlah murid Darjah IV bagi tahun ini adalah seramai 746 murid.

Dalam hubungan ini, Pelita Brunei turut membuat tinjauan ke Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddien, Kuala Belait. Sekolah ugama berkenaan menerima kemasukan seramai 249 murid dengan 135 adalah murid lelaki, manakala 114 murid perempuan. Daripada jumlah berkenaan, seramai 235 murid biasa sementara 14 murid berkeperluan khas.

Antara pengisian program ialah taklimat mengenai pengenalan sekolah, iaitu visi, misi, struktur organisasi; akademik, peperiksaan serta disiplin dan peraturan sekolah.

Tujuan taklimat adalah sebagai pengenalan dan panduan kepada semua murid semasa berada di sekolah bagi menjaga keselamatan



SUASANA pada Program Kemasukan Murid Darjah IV Persekolahan Ugama 'SIUK' (Sekolahku, Ilmuku, Ugamaku, Keberkatanku).

dan kesejahteraan murid. Sejurus selepas sesi taklimat, diadakan sesi soal jawab untuk memberi ruang kepada ibu bapa bertanya sebarang persoalan berkaitan persekolahan dan sistem pembelajaran.

Aktiviti seterusnya ialah Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah, Sayyidul Istighfar,

membaca Surah Al-Mulk, Ratib Al-Attas, Selawat Tafrijiyah, Doa Kesyukuran dan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

Aktiviti berkenaan adalah untuk memperoleh keberkatan pada hari pertama memulakan sesi persekolahan dan akan dipraktikkan untuk dijadikan amalan.



ANTARA yang hadir pada program berkenaan (atas dan kiri).

Daerah Temburong



GURU Besar Sekolah Ugama Puni, Dayang Romaizah binti Haji Basir semasa berucap.

TEMBURONG, Khamis, 2 Januari. - Seramai 95 murid daripada 12 buah sekolah ugama di Daerah Temburong memulakan sesi persekolahan ugama bagi Darjah IV hari ini.

Sepertimana di daerah-daerah lain, murid-murid di daerah ini juga diberi peluang dalam Program Kemasukan Murid Darjah IV Persekolahan Ugama 'SIUK' (Sekolahku, Ilmuku, Ugamaku, Keberkatanku).

Keberkatanku).

Dalam tinjauan ke Sekolah Ugama Puni, di sini, murid-murid bersama ibu bapa masing-masing berpeluang mendengarkan taklimat pengenalan, akademik dan peraturan sekolah yang disampaikan oleh Guru Besar Sekolah Ugama Puni, Dayang Romaizah binti Haji Basir.

Program juga turut diisikan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur dan Asar Berjemaah serta membaca Sayyidul Istighfar, Surah Al-Mulk, Ratib Al-Attas dan selawat Tafrijiyah.

Dalam temu bual bersama Dayang Romaizah antara lain mengongsikan visi sekolah, iaitu ke arah melahirkan insan yang berilmu, beramal dan berkemahiran.

"Ini bermakna pelajar bukan sahaja cemerlang dalam akademik tetapi mereka dapat mengamalkan dalam kehidupan sehari-hari di samping dapat menghayati kehidupan berugama dengan acuan ugama Islam secara berterusan," ujarnya.

Bagi mencapai visi berkenaan tambahnya, pihak sekolah merancang beberapa program yang relevan bagi pencapaian pelajar dengan tujuan meningkatkan akademik dan kemahiran berbentuk kemasyarakatan seperti Program 1 Bulan 1 Iqra; Program Tahsin As Solah; Kelas Intervensi/Tambahan; Program Celik Jawi dan Program Keugamaan Senegara.

Dayang Romaizah mengingatkan para murid agar sentiasa hadir ke sekolah kerana ia termasuk dalam Peraturan Akta Kehadiran di samping rajin membaca Al-Quran agar dapat ikut



SEBAHAGIAN dari ibu bapa dan murid yang hadir pada program tersebut (atas dan bawah kiri).

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Hasif Matzin

serta dalam program khatam Al-Quran.

Selain itu tambahnya, mereka juga dinasihatkan melibatkan diri dengan aktiviti dan program anjuran sekolah dan jabatan serta sabar, tabah dan istiqamah dalam menuntut ilmu.

Program berkenaan merupakan salah satu inisiatif Jabatan Pengajian Islam untuk meningkatkan kualiti pendidikan ugama melalui penyediaan

suasana pembelajaran dan persekitaran sekolah yang positif dan kondusif bagi murid-murid baharu persekolahan ugama.

Pelbagai aktiviti keugamaan, pendidikan dan pembentukan sahsiah diadakan sepanjang program empat hari yang bertujuan bagi mengukuhkan kesedaran akan kepentingan pendidikan ugama di samping memperkasa nilai-nilai Islam dan positif dalam kalangan murid.



MASJID HASSANAL BOLKIAH KAMPUNG MENTIRI ADAKAN MAJLIS KHATAM AL-QURAN

Siaran Akhbar dan Foto : Masjid Hassanal Bolkiah Kampung Mentiri

MENTIRI, Rabu, 1 Januari. - Ibadah bertadarus Al-Quran sangat ditutut kepada semua umat Islam di samping menjadi kewajipan untuk mencari keberkatan, menghayati dan mengambil iktibar dari isi yang terkandung dalam kitab suci Al-Quran sebagai panduan dalam kehidupan sehari-hari.

Sehubungan itu, jemaah subuh tadarus Al-Quran Masjid Hassanal Bolkiah Kampung Mentiri telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi menzahirkan rasa syukur setelah berjaya melengkapkan bacaan 30 juzuk.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dan disusuli dengan bacaan surah-surah ayat lazim bermula dari Surah Adh-Dhuha sehingga

Surah An-Nas yang dipimpin oleh Awang Haji Annuar bin Penghulu Haji Ibrahim yang juga membacakan Takhtim dan Doa Khatam serta Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Majlis juga diserikan dengan Dikir Marhaban oleh para peserta khatam. Hadir pada majlis tersebut ialah Imam Masjid Hassanal Bolkiah Kampung Mentiri, Pengiran Sallehin bin Pengiran Haji Tejuddin.

Peserta khatam ini merupakan jemaah di masjid berkenaan yang telah mengadakan ibadah bertadarus setiap hari selepas menunaikan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah yang juga dihasratkan untuk mengimarahkan lagi masjid berkenaan.



SESI bergambar ramai pada Majlis Khatam Al-Quran yang berlangsung di Masjid Hassanal Bolkiah Kampung Mentiri.

HASRAT NEGARA

>> Muka 2

Natijahnya, peluang untuk berkembang dan bekerjasama dengan negara-negara jiran adalah terbuka luas. Tinggal saja lagi kita diperlukan untuk lebih bijak mengambil peluang ini dengan sebaiknya, di samping tetap mengekalkan nilai-nilai Melayu Islam Beraja yang menjadi teras kepada pembangunan negara.

Agenda utama ialah untuk terus

mempertingkatkan daya saing negara, dengan menekankan kepentingan pembangunan yang inklusif dan mampam dengan kerjasama erat pelbagai pihak yang berkepentingan di kalangan sektor swasta, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan masyarakat amnya.

Kita juga menghargai peranan penting warga emas dan golongan yang kurang berkemampuan, yang menjadikan kita berkewajipan untuk memastikan kebijakan

mereka sentiasa terpelihara, selaras dengan pendekatan: Tidak ada sesiapapun yang dibiarakan tercincir dalam pembangunan negara.

Akhirnya, beta ingin merakamkan settinggi - tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua peringkat warga perkhidmatan awam, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, pasukan-pasukan beruniform yang lain, termasuk mereka yang

berkhidmat di sektor swasta dan badan-badan bukan Kerajaan (NGOs), di atas komitmen dan usaha gigih mereka melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing sepanjang tahun 2024.

Demikian juga di kesempatan ini, beta sukacita merakamkan penghargaan kepada negara-negara sahabat dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa di atas kerjasama mereka mengeratkan lagi hubungan dengan NBD.

Selamat Tahun Baharu Masihi 2025 kepada seluruh rakyat dan penduduk di negara ini, termasuk mereka yang berada di luar negara.

Semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberkati kita semua dan mengurniakan kepada NBD keamanan, kesejahteraan, kemakmuran dan keselamatan yang berpanjangan. Amin.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

مقرنلنکن اقليکاسي موده الیه جابتن ڦراغن

Dapatkan aplikasi dan muat turun di

Available on the App Store GET IT ON Google Play

Memperkenalkan
**Aplikasi Mudah Alih
Jabatan Penerangan**

InfoDeptBN

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat Dan Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless Dan Green IT**

Gunakanlah Aplikasi Kami!

'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'

KETENGAHKAN KEUNIKAN BUDAYA, CARA HIDUP MASYARAKAT BRUNEI



Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

SESI bergambar ramai pada program lawatan 'Kembara Usuluddin : Jelajah Budaya Kitani' di Lamin Warisan, Kampung Tanjong Maya, Tutong.

pelbagai koleksi artifak budaya serta menimba ilmu mengenai sejarah tapak bersejarah berkenaan.

Selain itu, program juga merangkumi aktiviti pembuatan kuih tradisional, dengan para mahasiswa dan mahasiswi dibimbing untuk menghasilkan kuih penyaram menggunakan kemahiran tangan mereka sendiri.

Program diakhiri dengan aktiviti Ecoprint dengan menggunakan teknik *pounding*, iaitu memukul daun ke atas kain untuk menghasilkan corak daun yang unik dan menarik.

Lawatan berkenaan diharap dapat memperkaya pemahaman mahasiswa dan mahasiswi mengenai warisan budaya Brunei serta mendorong mereka untuk terus menyumbang bakti kepada masyarakat.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 2 Januari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Fakulti Usuluddin melalui Badan Pelajar Usuluddin (BadrU) telah mengadakan program lawatan, iaitu 'Kembara Usuluddin : Jelajah Budaya Kitani' pada 4 Disember 2024 di Lamin Warisan, Kampung Tanjong Maya, Tutong.

Antara tujuan program berkenaan adalah untuk mendalamai dan menghayati keunikan budaya serta cara hidup masyarakat Brunei.

Mahasiswa dan mahasiswi berpeluang untuk meneroka

Jadikan doa amalan harian, hidup dapat keberkatan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 1 Januari. - Amalan berdoa adalah sangat dianjurkan dalam agama Islam dan sebagai bentuk ibadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Doa bukan sahaja sebagai permohonan kepada Allah untuk mendapatkan sesuatu yang baik, tetapi juga sebagai cara untuk mendekatkan diri kepada-Nya.

Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan hamba-hamba-Nya supaya berdoa dan memohon kepada-Nya. Begitu juga, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berpesan kepada umatnya supaya berdoa bersungguh-sungguh.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 186 yang mafhumnya : "Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu (wahai Nabi Muhammad) mengenai Aku, maka (katakan kepada mereka) : "Sesungguhnya Aku sentiasa hampir (kepada mereka). Aku memperkenankan permohonan orang-orang yang berdoa apabila dia berdoa kepada-Ku. Maka hendaklah mereka itu menyahut seruan-Ku (dengan mematuhi perintah-Ku) dan hendaklah

mereka beriman kepada-Ku supaya mereka sentiasa berada dalam kebenaran".

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda (riwayat Al-Imam at-tirmidzi) maksudnya : "Daripada Abu Hurairah Radiallahu anhu katanya : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Orang yang tidak meminta (berdoa) kepada Allah, Allah murka kepadaNya".

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : Doa itu senjata orang mukmin, ini bermakna doa itu mempunyai kelebihan dan faidat yang amat besar dan amat banyak kepada kita orang Islam, di mana melalui doa, keampunan dan rahmat akan diperoleh, manakala musibah dan kesusahan boleh terhindar, kerana jika Allah Subhanahu Wata'ala menghendaki dan memperkenankan doa hamba-Nya, tidak ada satu pun yang dapat menghalang.

Allah Subhanahu Wata'ala tidak akan mensia-siakan doa-doa hamba-Nya yang penuh dengan keikhlasan. Ingatlah berdoa juga boleh menghindarkan sesuatu bala walaupun bala-bala itu sudah merupakan Qada (ketentuan Allah

Subhanahu Wata'ala).

Setiap perbuatan yang diperintahkan kepada kita untuk melakukannya ada doa-doanya yang khusus untuk kita baca.

Dalam memulai setiap perbuatan atau pekerjaan, seawal bangun daripada tidur, ketika memakai pakaian, keluar dari rumah, ketika memulakan perjalanan, ketika hendak makan, membuat aktiviti sehingga kembali tidur, umat Islam dianjurkan untuk memulakannya dengan berdoa.

Berdoa sebelum memulai kegiatan ini termasuk dalam sunnah-sunnah yang diajarkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Berdoa bukanlah hanya untuk diri sendiri sahaja, tetapi kita juga dituntut mendoakan orang lain terutamanya ibu bapa, anak-anak, ahli keluarga, saudara mara, Muslimin dan Muslimat sama ada yang masih hidup atau yang telah meninggal dunia.

Para ulama menyarankan antara waktu-waktu yang adil dan mustajab berdoa adalah selepas sembahyang fardu lima waktu, selepas sembahyang sunat tahajud, ketika di akhir sujud setiap sembahyang, ketika waktu Dhuha, waktu antara azan dan iqamah, sewaktu hujan lebat, ketika



DOA bukan sahaja sebagai permohonan kepada Allah untuk mendapatkan sesuatu yang baik, tetapi juga sebagai cara untuk mendekatkan diri kepada-Nya.

bermusafir dan sebagainya.

Oleh itu, mengingati Allah itu hendaklah dilakukan pada setiap masa sama ada pada waktu senang atau susah. Begitulah juga dengan amalan dalam berdoa hendaklah dilakukan pada setiap masa lebih-lebih lagi pada waktu senang dan mewah kerana dengan cara itu apabila berdoa pada waktu susah, doa akan mudah

diperkenankan. Janganlah hanya berdoa ketika ditimpah musibah dan dalam kesusahan.

Marilah sama-sama kita berdoa dengan ikhlas dan sebanyak yang boleh, semoga Allah Subhanahu Wata'ala mengabulkan setiap doa kita dan memasukkan kita dalam kalangan hamba-Nya yang menerima taufik dan hidayah-Nya jua. Amin Ya Rabbal Alamin.



ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

BARU

PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- Kelulusan Pendidikan Tinggi**
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PhD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- Kelulusan Pendidikan Menengah**
PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- Tamat Persekolahan**
bagi pemohon yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja.

PANDUAN MUATNAIK DOKUMEN

- Maklumat Peribadi**
Kad Pengenalan / Pasport / Gambar Terkini
- Maklumat Lesen Memandu**
- Kelulusan Pendidikan Tinggi**
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- Kelulusan Pendidikan Menengah**
- Tamat Persekolahan**
(Sijil berhenti Sekolah)

PANDUAN PENGALAMAN KERJA

- Pengalaman Kerja Kerajaan**
memandakan "✓" pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengesahan profili pegawai kakitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mulai dalam tanda gaji / tanda gaji / nama jawatan yang betul
 - Pengalaman Kerja Swasta**
 - Pengalaman Kerja Beruniform**
 - Pengalaman Bekerja Sendiri**
 - Penempatan Kerja**
 - Tidak Bekerja**
-

PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESIONAL

- Kelayakan Profesional**
 - Peperiksaan Kesetiausahaan**
 - Kemahiran Bahasa**
 - Lain-Lain Kemahiran**
-

PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS

- Peperiksaan Kerajaan**
 - Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)**
 - Kursus Induksi Perkhidmatan Awam**
 - Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)**
 - Program Pembangunan Eksekutif**
-

KHUTBAH JUMAAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM PADA 3 REJAB 1446H/3 JANUARI 2025M

MENSYUKURI NIKMAT KEAMANAN DAN KESEJAHTERAAN

KEAMANAN DAN KESEJAHTERAAN: Anugerah yang istimewa daripada Allah SWT

Keadaan di mana seseorang, masyarakat dan negara berada dalam suasana:

- ✓ Harmoni
- ✓ Hidup rukun damai dalam kestabilan fizikal dan ketenangan jiwa
- ✓ Bebas dari ketakutan dan gangguan

JENAYAH SIBER

Pada tahun lepas,
terdapat lebih daripada

848

kes penipuan dalam
talian

88%

daripadanya adalah
warga negara tempatan

Kebanyakannya di
kalangan umur

36

tahun ke atas

Jumlah kerugian:
melebihi

2.5

juta ringgit



PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI

Pasukan Polis Diraja Brunei akan sentiasa bersiap sedia dan menyesuaikan diri dengan persekitaran yang semakin rumit dan kompleks agar pasukan akan sentiasa berada satu tapak di hadapan di dalam memastikan keamanan sentiasa terjamin

1 Januari 2025: 104 tahun



Mensyukuri nikmat keamanan dan kesejahteraan

Tafsirnya : "Maka hendaklah mereka menyembah Tuhan pemilik rumah ini (Kaabah). Tuhan yang memberi mereka makan untuk menghilangkan lapar dan mengamankan mereka daripada ketakutan".

Oleh itu, kita selaku rakyat dan penduduk yang bernaung di bumi Darussalam yang bertuah ini tidak boleh lalai dan leka, kita wajib mensyukuri nikmat kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala ini dan sentiasa menjaganya agar nikmat keamanan dan kesejahteraan di bumi Darussalam ini berkekalan.

Agama Islam sangat mementingkan keamanan, kesejahteraan dan keharmonian dalam hidup berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara. Oleh itu, bagi membanteras dan mencegah daripada berlakunya jenayah dan perbuatan mungkar di negara ini, antara agensi keselamatan kerajaan yang diamanahkan dan dipertanggungjawabkan sebagai peneraju utama untuk menegakkan undang-undang itu ialah Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

Sebagaimana yang kita maklum, 1 Januari yang lalu, genaplah 104 tahun usia PPDB. PPDB sebagai pasukan yang tertua di Negara Brunei Darussalam telah berkembang bukan sahaja sebagai penguat kuasa dalam membanteras dan mencegah jenayah tetapi juga dalam menegakkan kedaulatan dan keamanan negara.

Perlu diingat, bahawa pegawai dan anggota pasukan polis hendaklah sentiasa menanai amanah secara profesional, berdisiplin tinggi, bersifat adil dan tidak pilih kasih, jadilah pegawai dan anggota pasukan yang proaktif dalam sama-sama menjadikan PPDB sebuah organisasi yang cemerlang, dipercayai dan disegani oleh masyarakat. Diharap warga pasukan akan terus berusaha untuk meningkatkan lagi

pengetahuan dan mencapai ke tahap yang tinggi bagi memikul tanggungjawab yang diamanahkan. Jadilah contoh dan inspirasi yang baik kepada generasi masyarakat agar kerjaya sebagai polis ini tidak dipandang sambil lewa kerana kerjaya polis inilah yang bertanggungjawab melindungi masyarakat daripada jenayah-jenayah yang mengancam kedaulatan negara.

Sesuai era siber dan perkembangan teknologi yang semakin canggih dan pesat, PPDB sentiasa berusaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran di dalam memacu prestasi, kualiti dan kecekapan yang lebih cemerlang dalam menangani trend jenayah yang semakin mencabar dan kompleks terutamanya jenayah siber yang semakin berleluasa.

Mengikut statistik jenayah siber yang pernah dilaporkan pada tahun lepas, terdapat lebih daripada 848 kes penipuan dalam talian yang mana, 88 peratus daripada adalah warganegara tempatan. Dalam kes-kes penipuan tersebut, kebanyakannya adalah dalam kalangan umur 36 tahun ke atas dan jumlah keseluruhan kerugian sudah melebihi dua perpuluhan lima juta ringgit. Kini, jenayah siber sudah hampir seimbang dengan jenayah curi.

PPDB mengatur strategi-strategi dan merangka perancangan yang mantap dalam menangani jenayah-jenayah era baharu yang datang dalam pelbagai bentuk variasi bagi mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035 dalam mempertahankan kedaulatan dan kestabilan, agar Negara Brunei Darussalam menjadi antara salah sebuah negara yang paling selamat di dunia. PPDB juga akan sentiasa bersiap sedia dan menyesuaikan diri dengan persekitaran yang semakin rumit dan kompleks agar pasukan akan sentiasa berada satu tapak di hadapan dalam memastikan keamanan

sentiasa terjamin.

Sememangnya tugas menjaga keamanan negara merupakan tugas dan tanggungjawab utama PPDB. Bagaimanapun, peranan masyarakat dalam turut menangani keselamatan dan menjaga keamanan amatlah penting, justeru, masyarakat umum memainkan peranan penting dan mengikut kapasiti masing-masing dalam sama-sama melindungi dan menjaga keamanan demi mempertahankan kedaulatan dan kestabilan negara yang kita cintai ini.

Kerjasama yang padu antara PPDB dan masyarakat adalah sangat-sangat diharapkan dalam sama-sama membanteras jenayah demi mengekalkan keamanan dan kesejahteraan negara. Dalam kita meraih kebaikan dan kemaslahatan serta menolak keburukan dan kemudarat, maka segala usaha hendaklah digembung secara bersama. Ketauhui, bahawa agama kita menggalakkan umatnya supaya hidup saling tolong-menolong dan bantu-membantu ke arah perkara yang baik dan berkebajikan. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Maidah, ayat 2 :

Tafsirnya : "Dan tolong-menolonglah kamu dalam kebajikan dan ketakwaan dan janganlah tolong-menolong dalam dosa dan perrusuhan (melanggar hukum-hukum Allah). Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah sangat berat seksa-Nya".

Bersempena dengan Tahun Baharu Masihi 2025 ini dan bersempena kita memperingati Sambutan Hari Polis Ke-104 Tahun, sama-sama kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan melimpahkan rahmat-Nya berupa keteguhan iman, kesihatan, keamanan dan kemakmuran untuk kita semua serta dijauhi daripada sebarang anasir keburukan, kekacauan dan huru-hara. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim berdoa : "Ya Tuhanku! Jadikanlah negeri Mekah ini negeri yang aman damai dan kurniakanlah rezeki daripada berbagai-bagi jenis buah kepada penduduknya iaitu bagi siapa antara mereka yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat". Allah berfirman : "(Permohonan mu Aku terima) tetapi sesiapa yang ingkat maka Aku akan beri juga dia menikmati rezeki itu bagi sementara waktu (di dunia) kemudian Aku memaksanya (dengan menyeretnya) ke azab Neraka. Dan itulah seburuk-buruk tempat kembali". (Surah Al-Baqarah, ayat 126)

AGAMA Islam sangat mementingkan keamanan, kesejahteraan dan keharmonian dalam hidup berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara. Oleh itu, bagi membanteras dan mencegah daripada berlakunya jenayah dan perbuatan mungkar di negara ini, antara agensi keselamatan kerajaan yang diamanahkan dan dipertanggungjawabkan sebagai peneraju utama untuk menegakkan undang-undang itu ialah Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Ibrahim, ayat 7 :

Tafsirnya : "Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu (dengan sejelas-jelasnya) : Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur (terhadap segala nikmat-Ku) tentu Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur (terhadap nikmat itu) maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras".

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya juga, kita melangkah ke Tahun Baharu Masihi 2025 dalam keadaan aman lagi sejahtera. Nikmat keamanan dan kesejahteraan ini setentunya anugerah yang istimewa daripada Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita. Keamanan dan kesejahteraan adalah keadaan di mana seseorang, masyarakat dan negara berada dalam suasana harmoni, hidup rukun damai dalam kestabilan dan ketenangan jiwa, bebas daripada ketakutan dan gangguan.

Di dalam ayat 3-4 Surah Quraisy, Allah Subhanahu Wata'ala menegaskan bahawa keamanan itu adalah antara nikmat yang terbesar dikurniakan kepada kaum Quraisy.

Pendaftaran Peperiksaan BC GCE 'O', 'AS', 'A', IGCSE dibuka mulai 4 Januari

Siaran Akbar : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 3 Januari. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Peperiksaan akan membuka pendaftaran bagi Peperiksaan Brunei-Cambridge GCE 'O', 'AS', 'A' dan IGCSE bagi bulan Mei / Jun 2025 bermula pada Sabtu, 4 Januari 2025 hingga Khamis, 13 Februari 2025.

Borang-borang pendaftaran dan keterangan lanjut yang berkaitan dengan pendaftaran bolehlah diperolehi dari Kaunter Jabatan Peperiksaan bertempat di Pusat Perkhidmatan Setempat Kementerian Pendidikan (Blok 'C', Aras Bawah Bangunan Kementerian Pendidikan Lama, Lapangan Terbang Lama, Berakas) semasa waktu pejabat dibuka.

Borang pendaftaran juga boleh dimuat turun borang, senarai mata pelajaran yang ditawarkan dan surat pemberitahuan dari laman sesawang Kementerian Pendidikan di www.moe.gov.bn.


Borang-borang pendaftaran peperiksaan dan dokumen yang telah lengkap, serta pembayaran hendaklah dikembalikan ke Jabatan Peperiksaan, melalui Kaunter Jabatan Peperiksaan bertempat di Pusat Perkhidmatan Setempat Kementerian Pendidikan tidak lewat daripada Khamis, 13 Februari 2025 pada tarikh dan jam yang telah ditetapkan.

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

كمترنن كصيحن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal,
sila jumpa* Doktor awda hari ini atau
layari www.ppk.gov.bn



PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

دعا موهن کقد اللہ سقایی تر سلامہ

در قدر بلاء دان سکل جنیس فیا کیت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ ۳ کالی۝.

تَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْتَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ۝ ۳ کالی۝.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي
السَّمَاءِ وَهُوَ أَكْبَرُ الْعَلِيمُ ۝ ۳ کالی۝.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.
بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ حَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءَ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَخَنَا وَبِاللَّهِ
أَخْتَنَّنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَاجْبَرُوْتِ.
وَاعْتَصَمَنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَمِيْرِ الَّذِي لَا
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُنَاحِ، وَمِنْ سَيِّئِ
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي
كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْطَّغْيَانَ وَالْطَّاغُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ
وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۳ کالی۝.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan juga di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkusa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذْهُ سِنَةٌ وَلَا نُومٌ لَمَّا مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَاذِي يَشْفَعُ عِنْهُ إِلَّا يَادِيهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسَعْ كُرْسِيُّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَنْعُودُ حَفَظُهُمَا وَهُوَ عَلَى الْعَظِيمِ ٦٥٥

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَائِمًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَحْلِي بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنْفِرِي بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقْضِي بِهِ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الْرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَائِمِ، وَيُسْتَسْقَى بِهِ الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ الْمُحَمَّةِ وَنَفْسٌ يَعْدِي كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabulah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdikan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahnanya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدُكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنِي، فَاغْفِرْ لِي فِيَّا، لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبُ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahanan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذَكْر بچاءن يعْ مباوا اکبر او نتو عن ساعت بسر کقد ڦععملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

(3)

وَلَا حُوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung juga).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَمِّيْ يَا قَيْوُمُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأَفْوَضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapat enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.


**IKLAN JAWATAN KOSONG
PERKHIDMATAN AWAM**
 MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAUAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN
PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.

2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelebihan skim iklan akan ditolak.

Scan QRcode

Salin WhatsApp

Query@spa.gov.bn

PSC.BN

Dapatkan maklumat terkini mengenai Jawatan Kosong

www.recruitment.gov.bn

PSC.BN

Jawatan, Tanggal Gaji dan Bilangan Iklan	Urus setia Pengambilan	Kekosongan	Jenis Iklan	Tarikh Tutup Permohonan
1. ARKITEK KERJA JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN B.3 (BAHAGIAN II) 2024/DEC/02/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	01	38(A)	11 JANUARI 2025
2. GURU JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH, KEMENTERIAN PENDIDIKAN G.8 (BAHAGIAN III) 2024/DEC/01/KPDK	KEMENTERIAN PENDIDIKAN	45	7(A)	11 JANUARI 2025

PERINGATAN:
 1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
 2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANKAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
 3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



Dibuka Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
(II & III Sahaja)

Kategori:
[KA01 & P02 Sahaja]

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :
7 Januari 2025. (Selasa)

Tarikh Tutup :
21 Januari 2025. (Selasa)
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 041 / 2024

Nama Projek :
Pembekalan, Penghantaran
Dan Pemasangan Sistem
Pemantauan Kualiti Air
Secara Online Bagi Proses
Air Peringkat 4 Dan 5
Loji Rawatan Air Bukit Barun,
Tutong.

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :



Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2024-2025 / 35

Tajuk
Tawaran:
Careers In The Hospitality
And Tourism Industry
Video Production Services

Tarikh Tutup
Tawaran:
Khamis,
16 Januari 2025.
Jam 2.00 Petang.



**Jabatan Hal Ehwal Syariah
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan
Tawaran:**
1 / JS / A / 24 / 2024

Keterangan:
Tawaran Pembelian Kenderaan
12 Seater Bahagian
Penguatkuasaan Ugama
Daerah Brunei Muara

**Yuran
Sebut Harga:**
BND5.00

**Tarikh Tutup
Sebut Harga :**
Selasa,
21 Rejab 1446 /
21 Januari 2025.
Tidak lewat jam
2.00 Petang.



Tawaran:
JPH / SD09A / 001002 / 2115 /
TAW390 / 2024-2025

**Membina Bangunan Opis
Taman Rekreasi Hutan
Bukit Patoi,
Daerah Temburong**

**Borang Pendaftaran Syarikat
(Jika belum berdaftar):**
BND10.00

**Borang
Tawaran:**
BND15.00

**Yuran
Tawaran:**
BND35.00

**Tarikh Tutup
Tawaran:**
Selasa,
11 Februari 2025.
2.00 Petang.



Syarat-Syarat Tawaran:

Rujukan

Tawaran:
JPA / 1.4 / UPR / SH / 1

Tajuk

Tawaran:
Supply, Deliver and Install of
Heavy-Duty Racking at Public
Service Department's Archive,
B14, Jalan Kebangsaan

Bayaran

Tawaran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup

Tawaran :
Selasa,
14 Januari 2025.
Jam 2.00 Petang.




Kenyataan Bagi Mendapatkan Tawaran Sebut Harga

Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2024-2025 / 68 /
BPPK / 26

Tajuk Sebut Harga:
Pembekalan Satu (1) Unit **Trailer** Untuk Vakum Trilo T1, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan

Hari, Tarikh Dan Jam Tutup:
Khamis, 16 Januari 2025.
Jam 2.00 Petang.

Keterangan Lanjut Boleh Diperoleh:
Bahagian Perkhidmatan Perbandaran Dan Kebersihan, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan.


Jawatan Kosong Sebagai

Penghulu Mukim Tingkat III
PMKK.4 (BND3,880 - BND4,240)

Bagi Daerah Temburong Penghulu Mukim Zon 2

Adalah dimaklumkan bahawa **Jabatan Daerah Temburong** dengan sukacitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di **Mukim Bokok dan Mukim Amo, Daerah Temburong** untuk menghadapkan pencalonan bagi mengisikan jawatan sebagai **Penghulu Mukim Zon 2 di Daerah Temburong.**

Tatacara Menghadapkan Borang Pencalonan:

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut: –

Unit Pentadbiran,
Bahagian Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Jabatan Daerah Temburong Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada **Sabtu, 2 Syaaban 1446.** bersamaan **1 Februari 2025,** jam **4.00 Petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian **+673 5221266 / 265 ext 116 / 118 / 119** atau **+673 5221110.**

Mukim-Mukim Tadahan Jawatan Kosong Bagi Penghulu Mukim Zon 2, Daerah Temburong: -
• Mukim Bokok
• Mukim Amo


Kenyataan Tawaran

Bilangan Sebut Harga :
(151) INFO / PK / K / 7
(2024-2025)

Tajuk Sebut Harga :
Membekalkan Pen Bagi Program-Program Jabatan Penerangan

Bilangan Sebut Harga :
(152) INFO / PK / K / 7
(2024-2025)

Tajuk Sebut Harga :
Membekalkan Pensel Bagi Program-Program Jabatan Penerangan

Bilangan Sebut Harga :
(153) INFO / PK / K / 7
(2024-2025)

Tajuk Sebut Harga :
Membekalkan Executive Pen Bagi Program-Program Jabatan Penerangan

Bilangan Sebut Harga :
(154) INFO / PK / K / 7
(2024-2025)

Tajuk Sebut Harga :
Mencetak Dan Membekalkan Notepad Bagi Program-Program Jabatan Penerangan

Yuran :
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup :
9 Januari 2025.
Jam 8.30 Pagi.


**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAH UGAMA**
Iklan Tarikh Lanjutan

Bilangan Tawaran:
KHEU / JPI / LTN / BSK /
SMALHB / 09

Keterangan:
Tawaran Perkhidmatan Bas Sewa Khas 45 Muatan Sebanyak Dua (2) Buah bagi Kegunaan Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah, Di Bawah Kawalan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Bagi Tempoh Lima (5) Tahun Tahun 1446H-1447H / 2024M-2025M

Bayaran Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh akhir mengambil borang tawaran:
Khamis,
23 Rejab 1446H /
23 Januari 2025M.
Tidak lewat jam 10.00 Pagi.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
28 Rejab 1446H /
28 Januari 2025M.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / 18 /
2024-2025

Keterangan:
Membekal dan Menghantar Hadiah Majlis Penghargaan Cemerlang Bagi Peperiksaan Akhir Tahun dan PSR Pelajar-Pelajar Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Rimba, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tahun 1446H / 2024M

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
15 Rejab 1446H /
15 Januari 2025M.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



Tawaran Pembinaan Letak Kereta Dan Assembly Area Di Jabatan Buruh,
Jalan Dewan Majlis,
Daerah Brunei Muara,
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
PJB / 3003 / SH0009 /
TK2024-2025

Tarikh Tutup Tawaran :
15 Januari 2025.
Rabu,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI



- IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**



- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGKAN MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



جوالن سالینان کنہبر ۲ دیکنیتل

JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



HARGA JUALAN

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.

Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan satu keping cd adalah BND21.

(Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

JENIS-JENIS

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam **laman galeri Infofoto (www.infofoto.gov.bn)**

dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil oleh warga Jabatan Penerangan.

IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400
FAKS : 2382242

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

WAKTU PERNIAGAAN


Isnin - Khamis
8.00 Pagi – 12.00 T/hari
2.00 Ptg – 3.00 Ptg
Sabtu
8.00 Pagi – 11.00 Pagi



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

KETAHUI SUMBER GARAM AWDA



كمترین كصيختن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

GARAM TERDIRI
DARI 40% SODIUM



TIPS

1

Pilih makanan segar dan tidak berproses

2

Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat



3

Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam

4

Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin

5

Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

1385 mg



1 bungkus
Mee Segera

1000 mg



Sebiji
Telur Masin

880 mg



1 sudu makan
Kicap

376 mg



3 sudu makan
Corned Beef

295 mg



1 bungkus kecil
Keropok Ubi Kentang

243 mg



1 bungkus kecil
Keropok Udang
Tempatan

120 mg



1 cawan
Kentang Goreng

116 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Salted)

15 mg



3 keping
Kraker Beras

2.4 mg



1/2 cawan
Amping

1.7 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Unsalted)

1.2 mg



Sebiji ukuran sederhana
Pisang

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok



hpcbrunei



Health Promotion Centre



Talian Darussalam 123

KEPENTINGAN PERPADUAN DALAM MEMBENTUK SEBUAH MASYARAKAT

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Jabatan Penerangan



TUTONG, Jumaat, 3 Januari. - Setiap lapisan masyarakat perlu berusaha mengekalkan perpaduan. Masyarakat juga perlu menyemai sikap saling hormat - menghormati dan menerima kepelbagaian agama, budaya dan adat dalam kehidupan bermasyarakat.

Pupuk sikap toleransi sesama individu agar kehidupan bermasyarakat terus sahaja harmoni dan saling bekerjasama seperti mengadakan aktiviti sosial dalam kalangan masyarakat.

Aktiviti sosial seperti bergotong-royong, bersukan dan mengadakan sambutan perayaan agar dapat meningkatkan ukhuwah dan tali persaudaraan dalam kalangan masyarakat.

Dengan usaha yang berterusan seperti ini, insyaAllah perpaduan dalam kehidupan bermasyarakat akan lebih kukuh dan seterusnya akan dapat menjadi tunjang kepada pembangunan negara yang hidup dalam keadaan harmoni, hormat menghormati dan saling bekerjasama tanpa



AKTIVITI sosial seperti bergotong-royong, bersukan dan mengadakan sambutan perayaan dapat meningkatkan ukhuwah dan tali persaudaraan dalam kalangan masyarakat (atas kiri dan atas).

mengira budaya, agama dan sebagainya.

Perkara tersebut juga bertepatan dengan inti pati Titah Perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena

Menyambut Tahun Baharu Masihi 2025 pada 31 Disember 2024.

Dalam titah baginda, "Untuk itu, mengekalkan perpaduan adalah penting, kerana perpaduan merupakan kunci pembangunan,

di mana setiap lapisan masyarakat jika kekal bersatu, hidup harmoni, saling hormat menghormati dan bekerjasama, maka segala cabaran akan dapat ditangani dengan baik".

Amalan bersedekah dapat dekatkan diri kepada Allah



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 3 Januari. - Amalan bersedekah merupakan satu sikap atau tindakan yang sangat mulia dan mempunyai banyak kelebihan, bukan sahaja dari segi spiritual tetapi juga sosial.

Sedekah datang dalam pelbagai bentuk seperti kewangan, makanan, pakaian bahkan tidak terkecuali juga dalam sumbangan tenaga dan masa untuk membantu orang lain.

Sedekah adalah manifestasi keikhlasan seseorang dalam membantu orang lain yang menunjukkan rasa empati dan kedulian terhadap nasib orang lain yang kurang berasib baik, dan ia merupakan nilai penting dalam Islam.

Melalui amalan bersedekah, kita

dapat mengerakkan silaturahim antara sesama Muslim. Apabila kita membantu satu sama lain, kita membina ikatan yang lebih kukuh dan saling percaya.

Sedekah adalah cara untuk membantu mereka yang kurang berasib baik kerana dengan memberikan bantuan, kita dapat meringankan beban mereka selain memberi harapan kepada mereka untuk terus berjuang.

Dalam Islam, sedekah adalah salah satu amalan yang mendatangkan pahala yang berpanjangan. Pahalanya tidak hanya terhenti pada saat kita memberi, tetapi boleh berterusan selagi manfaat daripada sedekah berkenaan dirasai oleh penerima.

Amalan sedekah juga mendidik kita untuk bersyukur dengan apa

SEDEKAH adalah manifestasi keikhlasan seseorang dalam membantu orang lain yang menunjukkan rasa empati dan kedulian terhadap nasib orang lain yang kurang berasib baik, dan ia merupakan nilai penting dalam Islam.

yang kita miliki dan mengajar kita untuk lebih prihatin terhadap orang lain. Selain itu, ia juga mengingatkan kita tentang pentingnya sifat dermawan dan tidak mementingkan diri sendiri.

Sedekah mampu membentuk sebuah komuniti yang sejahtera dan harmoni kerana apabila setiap individu mengambil tanggungjawab untuk membantu satu sama lain, masyarakat secara keseluruhannya akan menjadi lebih kuat dan stabil.

Amalan sedekah juga merupakan cara untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'alaa. Dalam banyak hadis, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada menekankan kepentingan bersedekah dan memberi bantuan kepada yang memerlukan sebagai salah satu cara untuk mendapatkan keredaan Allah.

Secara keseluruhannya, amalan bersedekah bukan sahaja memberi manfaat kepada penerima, tetapi juga kepada pemberi.

Ia adalah satu cara untuk membina masyarakat yang lebih baik dan mengerakkan hubungan sesama Muslim. Marilah kita sama-sama mengamalkan sedekah dalam kehidupan sehari-hari kita.

Kenderaan lain yang datang dari arah berlawanan mungkin akan melanggar lopak air lalu ia akan menyebabkan air terpercik memenuhi cermin hadapan kereta dan menghalang penglihatan anda

 bruneiweather  @brunei.weather  Weather Line 114  www.met.gov.bn

 BDMD Brunei Darussalam Meteorological Department 

JANGAN MENGIKUTI KENDERAAN DI HADAPAN AWDA TERLALU RAPAT

Jalan raya akan menjadi licin semasa hujan. Jika awda mendapati kenderaan di hadapan awda menekan brek secara tiba-tiba, awda mungkin tidak akan mempunyai masa untuk berhenti

 bruneiweather  @brunei.weather  Weather Line 114  www.met.gov.bn

TANAM SEMANGAT, LAKUKAN PERSEDIAAN RAPI MENEMPUH SESI PEMBELAJARAN

AWANG Adie Shareeza bin Haji Abdul Aziz dari Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar.



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu,

1 Januari. - Sesi

persekolahan 2025

akan bermula esok

dan sekali gus

menuntut

kesediaan pelajar

untuk memasuki

musim baharu itu

dengan lebih

penuh berazam,

semangat dan persediaan yang kuat dan rapi baik dari segi mental, fizikal dan emosi pelajar untuk memenuhi sesi pembelajaran seterusnya.

Awang Adie Shareeza bin Haji Abdul Aziz dari Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar memberitahu dari segi persiapan fizikal dan keperluan sekolah, para pelajar perlu memastikan mereka mempunyai kelengkapan sekolah yang lengkap seperti pakaian seragam, kasut, beg sekolah, alat tulis, buku-buku tulis serta buku-buku teks yang diperlukan.

Persiapan rutin harian pula

katanya adalah seperti memastikan para pelajar mempunyai waktu tidur yang cukup, mengamalkan pemakanan yang sihat, memastikan mereka sudah biasa dengan jadual harian kembali ke sekolah serta menanamkan semangat dan disiplin diri untuk terus berusaha gigih dalam pembelajaran demi mencapai kejayaan cemerlang pada masa hadapan.

"Azam saya bagi tahun 2025 adalah untuk memperoleh keputusan yang lebih baik dalam peperiksaan, meningkatkan gred dalam subjek tertentu serta mencapai tahap penguasaan yang lebih tinggi dalam pembelajaran," ujarnya.

Seorang lagi penuntut dari Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar, Dayang Nurhusniyah Nazihah binti Md. Husaif mengongsikan, bermulanya musim persekolahan pada tahun baharu ini melambangkan permulaan baharu, peluang untuk

DAYANG Nurhusniyah Nazihah binti Md. Husaif dari Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar.

menetapkan matlamat baharu, mengeratkan hubungan, dan menetapkan azam serta tanggungjawab yang lebih gigih untuk lebih memajukan diri.

Sebagai seorang pelajar katanya, ia adalah masa untuk memperbaiki

pencapaian terdahulu pada tahun sebelumnya, mencabar diri dengan sesuatu yang baharu serta memupuk keyakinan untuk berusaha dengan lebih baik dalam pembelajaran dan dalam menghadapi cabaran yang mendarat.

Selain itu, tambahnya, para pelajar juga berpeluang memperkuuh kemahiran sosial melalui interaksi dengan rakan-rakan serta guru-guru dengan lebih baik.

"Persediaan yang baik termasuk menetapkan rutin harian, menyusun jadual belajar dan ulang kaji dan menyediakan keperluan

sekolah. Selain itu, pelajar juga perlu memupuk sikap positif, melatih disiplin diri, dan menjaga keseimbangan antara akademik dan rehat.

"Melalui pendekatan yang teratur dan komitmen tinggi, pelajar mampu memulakan tahun baharu dengan penuh keyakinan dan mencapai kejayaan yang lebih gemilang," terangnya.

Manakala

pelajar celik dari Sekolah Rendah Rimba I, Dayang Siti Nurul Hafifah binti Muhd. Alli Noor berpendapat, memulakan semula musim persekolahan pada tahun baharu mungkin mencabar bagi sesetengah kanak-kanak tetapi dengan sokongan yang betul, mereka akan mendapatkan pengalaman baharu dengan keyakinan dan positif.

Katanya, para pelajar perlu ada disiplin diri sebelum semula memulakan

Berita dan Foto :
Khartini Hamir

rutin persekolahan antaranya mempunyai waktu tidur dan bangun yang cukup, jadual makan dan tempoh belajar atau mengulang kaji yang ditetapkan dapat membantu pelajar berasa lebih stabil dan bersedia secara mental untuk kembali ke sekolah.

"Ibu membantu saya menyediakan barang keperluan sekolah sekurang-kurangnya sebulan sebelum persekolahan agar saya dapat bersedia untuk belajar dengan lebih baik dan fokus pada pembelajaran yang baharu.

"Saya juga sangat gembira kerana dapat kembali ke sekolah dan berjumpa dengan kawan-kawan, bergiat aktif dalam aktiviti pembelajaran serta meneroka topik dan pengalaman baharu di sekolah nanti," jelasnya.

DAYANG Siti Nurul Hafifah binti Muhd. Alli Noor dari Sekolah Rendah Rimba I.

Raih amal kebajikan untuk ganjaran pahala yang besar

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad



BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 3 Disember. - Fitrah manusia dan setiap makhluk yang bernyawa pasti menemui kematian kerana ia merupakan kepastian yang tidak dapat kita elakkan dan semuanya ketentuan Allah Subhanahu Wata'ala.

Kita sering mendengar bahawa untuk memperingati lima perkara sebelum datangnya lima perkara iaitu sihat sebelum sakit, muda sebelum tua, kaya sebelum miskin, lapang sebelum sempit dan hidup sebelum mati.

Justeru, selaku hamba Allah wajar kita memanfaatkan dengan amal kebajikan selama mana kita masih dipinjamkan nyawa dan raga untuk kita bakal menikmati kebahagiaan hakiki di hari kandila kelak.

Apabila tibanya saat ajal

mendatang, segala perhiasan dunia ini akan kita tinggalkan melainkan tiga perkara seperti mana daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, bahawa Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya : "Apabila matinya seseorang insan maka akan terputuslah amalannya melainkan tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan dan juga anak soleh (atau solehah) yang mendoakan kepada kedua ibu bapanya asalkan mereka juga beragama Islam dan sentiasalah berdoa demi kesejahteraan orang tua mereka.

Oleh yang demikian, dunia umpama persinggahan ini sepatutnya kita mengambil peluang untuk memperbaiki dan meraih sebanyak-banyak amalan untuk mendapatkan ganjaran pahala berlipat ganda demi saham akhirat kita nanti dan kita harapkan selaku umat Islam agar mendapat husnul khotimah di akhir penghidupan kita nanti.

GAMBAR hiasan... Selaku hamba Allah wajar kita memanfaatkan dengan amal kebajikan selama mana kita masih dipinjamkan nyawa dan raga untuk kita bakal menikmati kebahagiaan hakiki di hari kandila kelak (kiri dan kanan).

memberikan manfaat kepada orang lain.

Manakala ilmu yang dimanfaatkan itu yang mementingkan ilmu-ilmu agama kerana apabila adanya ilmu tersebut, seseorang itu dapat membezakan yang baik dengan buruk, halal dan haram serta pahala dan juga dosa. Ilmu dimanfaatkan itu juga termasuk dalam mengajar dan menyebarkan pengajaran Al-Quran, hadis dan ilmu pengetahuan berkaitan Islam.

Sementara anak-anak Islam lagi soleh sama ada lelaki atau perempuan akan selalu mendoakan yang baik dan berbuat kebajikan untuk dihadiahkan bagi kedua ibu bapanya asalkan mereka juga beragama Islam dan sentiasalah berdoa demi kesejahteraan orang tua mereka.

Oleh yang demikian, dunia umpama persinggahan ini sepatutnya kita mengambil peluang untuk memperbaiki dan meraih sebanyak-banyak amalan untuk mendapatkan ganjaran pahala berlipat ganda demi saham akhirat kita nanti dan kita harapkan selaku umat Islam agar mendapat husnul khotimah di akhir penghidupan kita nanti.



NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"boleh pecaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

BERAZAM KE ARAH PERUBAHAN LEBIH BAIK

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 1 Januari. - Melangkah ke Tahun Baharu 2025 ini pasti kurang lengkap tanpa adanya azam yang akan menjadi pendorong bagi meningkatkan kualiti dan kesejahteraan hidup.

Azam bukan sekadar angan-angan kosong sahaja tetapi sebagai komitmen dan tekad yang jelas untuk mengatur tindakan sehari-hari selaras dengan perubahan atau peningkatan yang dimahukan dalam setiap fasa kehidupan.

Bagi Dayang Saridah binti Haji Budin, fokus beliau untuk 2025 ini adalah bagi memiliki kesihatan yang baik, meluangkan masa bersama keluarga dan belajar untuk mengatur kewangan dengan bijak.

Berusia 34 tahun, beliau sedar akan pentingnya kesihatan seiring dengan peningkatan umur bagi menghindari komplikasi serius di

kemudian hari.

"Pada masa ini, kita perlu mengambil berat dan peka akan kesihatan secara lebih awal dengan menjaga pemakanan dan meningkatkan aktiviti fizikal."

"Jadi pada tahun ini saya berazam untuk lebih menjaga kesihatan berbanding dari tahun-tahun sebelumnya termasuk mengurangkan pengambilan minuman manis atau memilih terus air kosong yang lebih banyak memberi manfaat kepada tubuh kita," katanya ketika ditemu bual Pelita Brunei.

Menurutnya, azam



tersebut perlu dilihat dari segi jangka masa panjang dan lebih ke hadapan terutama apabila kita sudah memasuki usia 40 atau 50 tahun nanti.

"Apa yang penting azam berkenaan perlu disertakan dengan matlamat dan ditetapkan lebih awal namun berterusan walaupun hasilnya belum nampak sekilip mata kerana perubahan secara drastik boleh menyebabkan kita mengalami rintangan mental atau emosi," katanya.

Beliau turut menyokong usaha dan inisiatif Kementerian Kesihatan dalam menggalakkan rakyat dan penduduk di negara ini menjalani gaya hidup yang sihat dan aktif melalui penambahbaikan ciri-ciri

dalam aplikasi BruHealth.

"Selain itu, saya juga sentiasa aktif menyertai kegiatan yang dijalankan setiap hujung minggu di Bandarku Ceria," katanya.

Sementara itu, Awang Hasif Hayat bin Halizan, 17 tahun, menaruh harapan agar tahun ini akan membawa banyak perubahan positif dalam hidup beliau.

"Azam saya untuk tahun ini ialah terus berusaha bagi mencapai impian saya untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi dan membuka perniagaan

sendiri bersama rakan-rakan," katanya.

Beliau yang sedang menunggu keputusan Peperiksaan GCE 'O' Level ini juga berazam untuk fokus dan memberi yang terbaik terhadap kerja yang beliau lakukan pada masa ini bagi mencapai kemajuan diri secara berterusan.

Sementara itu, Dayang Norsalawati binti Haji Md. Yunus, 50 tahun, berkata, pada usia begini, beliau meletakkan azam untuk terus menjaga kesihatan agar dapat menjalani amal ibadah dan mencari rezeki bagi kehidupan seharian.

"Matlamat saya juga adalah untuk terus mencapai kemajuan dalam bidang kerjaya dan menjalankan tugas sebaik mungkin, di samping berharap agar kehidupan kami sekeluarga dikurniakan rezeki yang berlipat ganda dari Allah Subhanahu Wata'ala," ujarnya.

AWANG Hasif Hayat bin Halizan (kiri) dan Dayang Saridah binti Haji Budin (kanan) ketika ditemu bual.

JANGAN MUDAH MENYALAKAN
LAMPU AMARAN BAHAYA
(HAZARD LIGHTS)

Awda perlu ketahui bahawa ia hanya boleh dinyalakan dan digunakan atas sebab-sebab kecemasan

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

Hari itu dia berjalan buat kali terakhir.

Perempuan, lumpuh berusia 31 tahun

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada Awda dan Saya

mkkjrbrunei www.mkkjr.gov.bn

Permohonan Skim Biasiswa Kerajaan dibukakan 2 Januari

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 1 Januari. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengurusan Biasiswa sukacita memaklumkan bahawa permohonan Skim Biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke Luar Negeri bagi Ijazah Sarjana dan Iktisas Sesi Akademik 2025 / 2026 akan bermula pada Khamis, 2 Januari 2025, jam 8.30 pagi dan akan ditutup pada Khamis, 27 Februari 2025, jam 4.00 petang.

Pemohon yang ingin memohon biasiswa untuk Ijazah Sarjana dan Iktisas adalah dikehendaki untuk menghadapkan borang permohonan (*softcopy*) melalui e-mel applyscholarship@moe.gov.bn di samping menghadapkan dokumen yang berkaitan termasuk borang permohonan (*hardcopy*) ke Jabatan Pengurusan Biasiswa, Kauuter 3, Pusat Perkhidmatan Setempat, Blok 'C', Aras Bawah, Kementerian Pendidikan sebelum atau tidak lewat daripada tarikh tutup permohonan iaitu Khamis,

27 Februari 2025.

Borang permohonan boleh didapati melalui laman sesawang Kementerian Pendidikan di www.moe.gov.bn.

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini bolehlah menghubungi Jabatan Pengurusan Biasiswa, Kementerian Pendidikan menerusi talian Telefon Pejabat : +673 2380019 (Isnin hingga Khamis dan Sabtu : 7.45 pagi hingga 12.15 tengah hari dan 1.30 petang hingga 4.30 petang) atau melalui e-mel : applyscholarship@moe.gov.bn dan scholarship@moe.gov.bn.

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Memperkasa Hak Orang Kurang Upaya'. Tarikh Tutup : 8 Januari 2025
- 'Pembaziran Merugikan Masyarakat, Ekonomi Negara'. Tarikh Tutup : 15 Januari 2025
- 'Kepimpinan Bermula Dari Diri Sendiri'. Tarikh Tutup : 22 Januari 2025

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

PPDB BERJAYA TUMPASKAN AKTIVITI PERJUDIAN



ANTARA kesalahan yang didapati dari hasil serbuan baru-baru ini di Mukim Serasa (atas, atas kanan dan bawah).

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



MUKIM SERASA, Khamis, 2 Januari. - Unit Siasatan Penumpasan Perjudian dan Pencegahan Maksiat, Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB)

baru-baru ini berjaya menumpaskan aktiviti perjudian sabung ayam dan judi Katam-katam selepas membuat serbuan di Mukim Serasa.

Dalam serbuan pada 1 Januari 2025 yang menyasarkan sebuah rumah di kawasan Mukim Serasa itu, sembilan orang suspek berumur di antara 34 hingga 69 tahun terdiri daripada warganegara tempatan dan asing telah berjaya ditahan kerana

diperdayai terlibat dalam kegiatan perjudian berkenaan.

Bahan-bahan bukti seperti telefon bimbit, mata wang Brunei dan asing yang dianggarkan berjumlah BND3,000, diperdayai digunakan untuk tujuan aktiviti perjudian tersebut telah ditemui di lokasi kejadian.

Kesemua suspek kemudiannya dibawa ke JSJ dan seterusnya dijalankan siasatan.

Kesemua suspek dicadangkan untuk didakwa atas kesalahan berjudi di bawah Seksyen 6(1) Akta Rumah-rumah Perjudian Terbuka Penggal 28 kerana mengikut Seksyen 6(2) Akta Rumah-rumah Perjudian Terbuka Penggal 28, sesiapa yang didapati berada di dalam tempat perjudian terbuka dianggap sebagai bermain atau telah bermain di dalamnya.

PPDB ingin menyarankan kepada orang ramai agar dapat bekerjasama dan memberikan apa jua jenis maklumat dengan mengongsikan ke Talian Kecemasan 993 atau mana-mana balai polis yang berdekatan serta boleh menyalurkannya melalui e-mel di laman sesawang www.polis.gov.bn ataupun Instagram @upa.ppdb.



Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia
Sila muat turun

PenggunaBijak



جاین فرالنگ بیکوتومی دن ساتقشنه
JAKIM PEAKUNG DAN SATCEN
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI



Burung Bangau Kendi / ‘Cattle Egret’

Sumber Foto : Chong Sney Lo / Asmali Asli, BWPC 2022, JPH

Nama Binatang :

Cattle Egret

Nama Tempatan :

Burung Bangau Kendi / Kuntul

Nama Saintifik :

Bubulcus ibis

Maklumat disediakan oleh : Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

EDISI Kenali Hidupan Liar Kitani untuk bulan ini, kita akan menjelajahi keindahan dan kepelbagai hidupan liar di Negara Brunei Darussalam. Mari kita sama-sama mengeksplorasi dunia menarik spesies burung tempatan *kitani*, iaitu Burung Bangau Kendi / Kuntul Kerbau atau Cattle Egret, yang dikenali secara saintifik sebagai *Bubulcus ibis*.

Burung Bangau Kendi ialah burung bersaiz sederhana, dengan postur membongkok walaupun berdiri tegak. Panjang keseluruhan burung ini adalah antara 46 sentimeter - 56 sentimeter, dengan berat antara 270 gram - 512 gram dan lebar sayap antara 88 sentimeter - 96 sentimeter. Mereka sering dilihat dalam kawanan di ladang dan padang rumput, lazimnya di kawasan habitat yang lebih

Order : Ciconiiformes

Kelas Spesies : Aves

IUCN : Least Concern / Kurang dikhuatir

CITES : Appendix 3

kering. Kedua-dua jantan dan betina berwarna putih, kadang-kadang terdapat sedikit warna kuning pucat di bahagian mahkota, tanpa jambul, serta leher pendek dan tebal dengan tekak yang menonjol, paruhnya berwarna kuning dengan bentuk yang tumpul. Pada musim pembiakan, mereka mempunyai bulu keemasan di kepala, dada, dan belakang.

Burung ini mendapat namanya kerana sering menunggang dan berehat di atas belakang lembu, kerbau, dan haiwan yang serupa juga mencari makanan, sehingga diberi nama : 'Kuntul Kerbau'. Mereka kebanyakannya makan serangga di rumput, yang terganggu oleh lembu yang sedang meragut seperti belalang, cengkerik dan alat. Kaedah mencari makan ini sangat menjimatkan banyak tenaga, menjadikan Burung Bangau Kerbau ini pemakan yang cekap. Walau bagaimanapun, mereka sangat oportunis dan selain itu memakan ikan kecil, pelbagai telur, dan ular.

Burung Bangau Kendi telah disenaraikan



dalam Akta Perlindungan Hidupan Liar Brunei, di mana sesiapa yang didapati mencederakan, membunuh, atau cuba menangkapnya akan dikenakan hukuman. Burung Bangau Kendi kini disenaraikan sebagai 'Least Concern' dalam Senarai Merah IUCN dan dimasukkan dalam Lampiran 3 Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Terancam (CITES). Walaupun spesies ini belum terancam, burung ini menghadapi penganiayaan dan perlu dipantau berkala bagi mengelakkan penurunan populasi yang boleh merubah ke status terancam.

Burung Bangau Kendi / Kuntul Kerbau (Cattle Egret) memiliki peranan multifungsi dalam ekosistem. Mereka bukan sahaja

berperanan mengendalikan hama, tetapi mampu membentuk hubungan simbiotik dengan ternak, berfungsi sebagai indikator kesihatan lingkungan, dan menyebarkan biji tanaman. Selain itu, mereka mendukung kelestarian ekosistem secara keseluruhan dengan membantu menjaga keseimbangan antara organisme yang berbeza.

Sekian sahaja Kenali Hidupan Liar Kitani untuk bulan ini. Sila ikuti setiap keluaran bulanan Kenali Hidupan Liar Kitani dan bagi melihat foto-foto spesies hidupan liar *kitani* yang telah dipaparkan dan maklumat lanjut berkenaan spesies tersebut, sila layari dan ikuti akaun Instagram Jabatan Perhutanan : [forestry.brunei](https://www.instagram.com/jabatan_perhutanan/). Lindungi hidupan liar *kitani* untuk memulihara hutan *kitani*.



Teknologi dalam pembuatan minuman kopi

Oleh : Nurhamiza Awang Haji Roslan
Foto : Ihsan Freepik

Pendahuluan

KOPI merupakan minuman istimewa yang diamalkan sebagai minuman harian orang ramai. Oleh kerana ia sangat digemari orang ramai, minuman tersebut telah menjadi satu budaya di seluruh dunia. Bagi penggemar kopi ianya adalah cerminan identiti peribadi dan nilai, terutamanya bagi mereka yang tinggal berdekatan kawasan bandar. Ada sesetengah orang juga menganggap budaya minum kopi adalah cara untuk menyatukan orang, dan ia dijadikan sebagai aktiviti untuk bersosial. Kopi kini diraikan sebagai satu pengalaman, dan bukan lagi dilihat sebagai sekadar sejenis minuman.

Kopi mempunyai pelbagai tahap rasa dan cara penyediaan, daripada kopi hitam yang sederhana hingga minuman berasaskan espresso yang memerlukan kemahiran dan pengetahuan mengenai jenis-jenis biji kopi yang lebih lanjut. Untuk pembuatan kopi seperti kopi espresso, terdapat beberapa teknologi yang digunakan dan ia merangkumi teknik manual yang menggunakan teknologi sederhana hingga ke sistem automatik yang sangat canggih. Antara teknologi yang dapat dilihat berkaitan

pembuatan kopi ialah pada mesin pengisar dan pembancuh kopi.

Jenis-jenis pengisar kopi

Serbuk kopi adalah bahan utama dalam membuat minuman kopi. Serbuk kopi boleh didapati dalam keadaan sudah tersedia atau dalam bentuk belum berkisar iaitu masih dalam bentuk biji. Jika kita menggunakan biji kopi, kita perlu mengisarnya terdahulu menggunakan pengisar khas untuk biji kopi. Terdapat beberapa jenis pengisar kopi daripada jenis manual hingga ke jenis elektrik yang canggih.

Pengisar manual ialah mesin pengisar yang dikendalikan dengan tangan dan ia menggunakan *burr* atau bilah tajam yang ada pada bahagian dalam dan bawah peranti untuk menghancurkan biji kopi menjadi serbuk. Penggunaan pengisar manual biasanya ringkas tetapi memerlukan lebih banyak tenaga kerana kita akan mengisar biji kopi dengan memusing biji kopi dengan memusing bahagian putar ataupun *crank* secara manual.

Pengisar elektrik pula menggunakan motor untuk mengisar biji kopi dan ia lebih cepat. Ada terdapat beberapa jenis pengisar elektrik. Antaranya ialah Pengisar Burr dan Pengisar Bilah.

Pengisar *Burr* menggunakan penggiling *burr* yang menggunakan dua permukaan abrasif berputar untuk menggiling biji kopi. Penggilingan atau pengisaran kopi lebih sekata dan konsisten dan serbuk terhasil lebih sekata dengan menyesuaikan jarak antara *burr*. Pengisar bilah menggunakan bilah berputar yang memotong biji kopi secara tidak sekata dan ia sering menyebabkan saiz pengisaran yang tidak konsisten. Oleh itu, pengisar *burr* adalah lebih diminati berbanding pengisar bilah.

Jenis-jenis pembancuh kopi

Terdapat pelbagai jenis mesin pembancuh kopi. Mesin yang paling mudah pemakaianya ialah mesin menggunakan kaedah *drip* atau titik. Mesin ini akan mula-mula memanaskan air dan kemudian air yang telah panas akan dituang ke atas serbuk kopi yang telah dilapik dengan penapis. Air panas akan kemudian menitis melalui kopi dan mengekstrak rasa sebelum menitis ke dalam *carafe* iaitu bekas yang digunakan untuk menyambut air kopi. Kini, banyak mesin kopi titisan menggunakan teknologi moden di mana mesin tersebut akan tersedia dengan fungsi pengawal masa dan pengawal suhu.

Mesin pembuat kopi yang lebih canggih yang semakin popular ialah mesin espresso : Mesin ini menggunakan kaedah tekanan

untuk memaksa air panas untuk melalui kopi yang telah dikisar halus. Terdapat beberapa jenis mesin espresso, ada versi manual dan automatik. Versi automatik sering mempunyai kawalan digital, pilihan pengemulsi susu, dan pengawalan suhu. Ada juga versi Super Automatic di mana mesin adalah sepenuhnya automatik dan mengendalikan semua proses-proses daripada menggiling biji kopi hingga menyeduhan dan membuihkan susu. Untuk mesin espresso manual, mesin ini memerlukan lebih banyak kemahiran, kerana pengguna akan perlu mengawal tekanan air dan masa pengekstrakan secara manual.

Mesin espresso sebelum ini selalunya bersaiz agak besar dan selalunya hanya terdapat di kafe-afe kopi yang menghidang espresso dan minuman yang berasaskan espresso. Akan tetapi dengan teknologi yang ada, peminat espresso dan minuman berasaskan espresso boleh mendapati mesin espresso tersendiri versi kecil dan lebih sesuai untuk dapur rumah. Mesin espresso yang lebih terkini yang lebih sesuai dibeli untuk kegunaan di rumah ialah seperti mesin kopi kapsul atau *pod*. Mesin seperti ini sesuai digunakan untuk menyediakan minuman *single-serving* atau hidangan tunggal menggunakan kapsul kopi

yang telah diukur terlebih dahulu. Ini memudahkan proses penyediaan dan menawarkan kemudahan untuk pengguna.

Pembuih susu dan pembakaran biji kopi

Banyak minuman berasaskan kopi akan menggunakan susu. Minuman seperti *cappuccino* atau *latte* berasaskan kopi espresso dan jika ia dihidang panas akan menggunakan susu yang akan dibuih dahulu. Untuk membuih susu, susu segar akan dibuih dengan menggunakan wap panas atau stim dan juga udara. Mesin espresso automatik akan tersedia dengan alat pembuih berbentuk seperti tiub diperbuat daripada besi yang akan mengeluarkan stim. Tiub stim akan dimasukkan dalam susu untuk memanaskan susu sambil mengudarkan susu untuk menjadikannya berbuih.

Untuk menghasilkan minuman kopi, biji-biji kopi akan dibakar terlebih dahulu sebelum dijadikan serbuk. Biji kopi biasanya dipanggang dalam mesin yang menggunakan haba untuk mengubah biji kopi mentah menjadi warna coklat untuk mengeluarkan aromanya. Panggang atau pembakar kopi akan menggunakan haba pengaliran dan perolakan untuk memanggang biji kopi pada suhu yang tepat.



AZAM TAHUN BAHARU



Menyusun impian, membentuk azam di tahun baharu

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Ilustrasi : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

MENJELANGNYA awal tahun baharu, pastinya ramai di antara kita yang merenung kembali pencapaian tahun sebelumnya dan merancang azam atau matlamat baharu. Azam tahun baharu bukan hanya sekadar janji kosong tetapi ia merupakan satu tekad atau niat untuk mencapai sesuatu yang lebih baik dalam kehidupan.

Azam bermaksud tekad atau niat yang kuat untuk mencapai sesuatu tujuan. Oleh itu, azam tahun baharu merujuk kepada tekad atau hasrat yang disusun dengan penuh harapan untuk mencapai matlamat tertentu dalam hidup di tahun baharu. Azam boleh merangkumi pelbagai aspek kehidupan seperti kejayaan, kesihatan dan kewangan.

Azam tahun baharu memberi seseorang panduan atau arah tuju untuk menjalani hidup dengan lebih bermakna. Ia memberikan peluang untuk memperbaiki kelemahan dan mempertingkatkan aspek-aspek yang kurang memuaskan dalam hidup. Selain itu, azam tahun baharu juga boleh membantu dalam mencipta perubahan positif dan memberi semangat baharu untuk menghadapi cabaran-cabaran yang akan datang.

Salah satu azam yang popular adalah untuk mengamalkan gaya hidup sihat dengan bersenam secara konsisten, mengawal pemakanan dan memastikan tubuh badan sentiasa berada dalam keadaan yang baik. Selain itu, ramai individu juga menetapkan matlamat kewangan sebagai azam tahun baharu mereka. Ini termasuk menabung dengan lebih disiplin, mengurangkan perbelanjaan dengan bijak

atau merancang pelaburan jangka panjang.

Ada juga sesetengah orang menjadikan tahun baharu sebagai peluang untuk mencapai kemajuan dalam kerjaya, sama ada melalui peningkatan kemahiran, pencapaian sasaran kerja atau untuk mendapat peluang pekerjaan yang lebih baik.

Ada pelbagai cara untuk mencapai azam tahun baharu. Antaranya ialah tetapkan matlamat yang realistik. Azam tahun baharu seharusnya jelas dan boleh dicapai. Elakkan menetapkan matlamat yang terlalu tinggi sehingga sukar untuk dicapai kerana ia boleh menyebabkan kekecewaan dan kehilangan semangat.

Setelah matlamat ditetapkan, buatlah perancangan yang teliti untuk mencapai apa yang diharapkan. Ini termasuk menentukan langkah-langkah yang perlu diambil dan jangka masa untuk mencapai setiap matlamat.

Selain daripada perancangan yang baik dan usaha berterusan, terdapat beberapa faktor lain yang penting dalam memastikan azam tahun baharu kita berterusan dan berkesan. Sikap positif memainkan peranan yang sangat penting dalam pencapaian azam tahun baharu. Setiap perjalanan menuju matlamat pasti akan dipenuhi dengan cubaan dan rintangan. Namun, dengan sikap yang optimis dan mental yang kuat, kita lebih mudah untuk menghadapinya. Keyakinan diri dan pemikiran positif membantu untuk mengekalkan semangat dan motivasi sepanjang perjalanan. Jika kita berasa gagal atau kecwea, tetaplah mengingatkan diri kita bahawa kegagalan adalah sebahagian daripada proses

pembelajaran. Mengambil pengajaran daripada setiap pengalaman negatif akan menjadikan kita lebih kuat dan lebih bertekad untuk terus maju.

Untuk mencapai tahun baharu, adakalanya kita memerlukan sokongan daripada orang di sekitar kita. Rakan-rakan, keluarga atau mentor yang boleh memberi sokongan moral, nasihat atau bantuan praktikal dalam mencapai matlamat. Selain itu, bergabung dengan komuniti yang mempunyai matlamat yang sama juga dapat memberi semangat untuk terus berusaha. Misalnya, jika azam kita adalah untuk menjadi lebih sihat, dengan menyertai kumpulan senaman atau kelab kesihatan boleh memberikan galakan yang diperlukan untuk terus konsisten.

Salah satu cara untuk memastikan azam tahun baharu tidak menjadi beban yang besar adalah dengan membahagikan matlamat utama kepada langkah-langkah kecil yang lebih mudah diurus. Sebagai contoh, jika azam kita adalah untuk menurunkan berat badan, bukan sahaja kita menetapkan sasaran untuk mengurangkan berat badan secara keseluruhan, tetapi kita juga boleh menetapkan sasaran mingguan seperti meningkatkan jumlah langkah harian atau mengurangkan pengambilan kalori. Dengan cara ini, kita dapat merasai kejayaan yang kecil tetapi berterusan yang memberi motivasi untuk mencapai matlamat besar tersebut.

Sebagai manusia, kita cenderung untuk terlalu fokus kepada matlamat akhir dan kadangkala lupa untuk menghargai setiap pencapaian kecil di sepanjang jalan. Menghargai setiap langkah yang berjaya dicapai adalah penting kerana ia dapat memberi semangat untuk terus berusaha.

Setiap kemajuan yang dicapai adalah satu tanda bahawa kita semakin dekat dengan matlamat utama kita. Oleh itu, raikan setiap pencapaian walaupun kecil kerana ia memberi motivasi untuk terus maju.

Tidak semua azam tahun baharu akan dapat dicapai dengan lancar. Kegagalan kadangkala adalah sebahagian daripada perjalanan menuju kejayaan dan ia bukanlah penghalang untuk diri kita berhenti. Sebaliknya, kegagalan adalah peluang untuk belajar dan meningkatkan diri. Jika sesuatu matlamat tidak tercapai pada tahun tersebut, ambil masa untuk merenung apa yang telah berlaku dan kenali pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada kegagalan tersebut. Dengan pemahaman yang lebih mendalam, kita akan lebih bersedia dan lebih bijak dalam merancang langkah seterusnya. Jangan takut untuk gagal kerana kegagalan sering kali membawa kepada kejayaan yang lebih besar.

Azam tahun baharu bukanlah semata-mata sebuah tradisi tahunan atau perkara yang hanya disebut pada permulaan setiap awal tahun. Ia merupakan titik permulaan untuk menilai diri, memperbaharui matlamat dan menetapkan arah tuju yang lebih baik untuk tahun yang mendatang. Proses pencapaian azam memerlukan kesungguhan, perancangan yang teliti dan disiplin diri. Namun, dengan sikap positif, sokongan orang lain serta penghargaan terhadap setiap kemajuan yang dicapai, kita dapat memastikan bahawa azam tersebut bukan hanya menjadi impian tetapi menjadi kenyataan. Tahun baharu memberikan peluang untuk memulakan lembaran baharu dan ia adalah masa yang tepat untuk kita terus berusaha mencapai yang terbaik dalam kehidupan.



ePaper Pelita Brunei



SUKAN 'PICKLEBALL' SEMAKIN DIGEMARI



Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Ihsan BPGSC community

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 1 Januari. - Sukan *pickleball* yang semakin meningkat popularitinya di seluruh dunia kini mula mencuri perhatian di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Dengan gabungan elemen dari tenis, badminton dan pingpong, *pickleball* menawarkan pengalaman yang menyeronokkan dan mudah dipelajari, menjadikannya pilihan

utama bagi mereka yang ingin mencuba sukan baharu.

Sukan *pickleball* boleh dimainkan di dalam atau luar bangunan dan ia boleh dimainkan oleh sesiapa sahaja tanpa mengira umur, jantina termasuk kanak-kanak sama ada secara perseorangan (*singles*) atau beregu (*doubles*). Sukan ini juga sesuai untuk dimainkan oleh warga emas kerana ia sebuah permainan atau sukan yang

bukan agresif.

Menurut salah seorang ahli dari komuniti BPGarage Sport Centre (BPGSC), Awang Mohammad Al-Hakeem bin Haji Abdul Jamal berkata kini semakin banyak masyarakat yang telah berkongsi mengenai sukan *pickleball* melalui sosial media dan *live streaming*. Oleh sebab itu, ramai masyarakat yang ingin mencuba sukan *pickleball* dan kebanyakannya dari mereka menyukai sukan ini.

"Alhamdulillah, jika dibandingkan dua tahun lepas,

tidak ramai yang mengenali akan sukan *pickleball* di negara ini tetapi tahun ini, semakin ramai yang ingin mencubanya dan ada juga yang merancang untuk menuhubkan persatuan *pickleball*.

"Ada beberapa ahli dari komuniti BPGSC juga yang ikut belajar dari jurulatih profesional berasal dari luar negeri. Saya juga ada perancangan untuk mengambil *coaching lesson* dan *Certificate Level 1 (Beginner Level)* tahun ini jika ada rezeki," ujar beliau.

SUKAN *pickleball* yang semakin meningkat popularitinya di seluruh dunia kini mula mencuri perhatian di Negara Brunei Darussalam. Ia boleh dimainkan oleh sesiapa sahaja tanpa mengira umur, jantina termasuk kanak-kanak sama ada secara perseorangan (*singles*) atau beregu (*doubles*).

Selain itu, bilangan ahli komuniti BPGSC yang giat bermain *pickleball* juga semakin bertambah. Setakat ini, komuniti tersebut mempunyai lebih dari 50 orang ahli. Baru-baru ini, sebanyak sembilan wakil dari NBD telah mengikuti pertandingan *pickleball* di Miri, Sarawak.

Di sini, dapat dilihat sukan *pickleball* berpotensi besar untuk menjadi satu sukan yang diterima secara meluas di negara ini. Dengan sokongan berterusan daripada persatuan sukan dan penggiat tempatan, masa depan sukan *pickleball* di NBD kelihatan cerah dan mendapat sambutan menggalakkan dalam kalangan masyarakat.

Untuk maklumat lanjut mengenai *pickleball* di NBD, ikuti mereka di laman Instagram @pickleballbrunei_bpgsc.

Tingkatkan kesedaran kepentingan gaya hidup sihat



SENAMAN berjalan kaki membantu menguatkan otot jantung, meningkatkan peredaran darah dan menurunkan aras kolesterol.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 1 Januari. - Berjalan kaki merupakan salah satu aktiviti fizikal yang sering dianggap remeh, namun membawa pelbagai manfaat kepada kesihatan tubuh badan kita.

Di Negara Brunei Darussalam, aktiviti ini semakin mendapat perhatian berikutnya kesedaran tentang

mengekalkan gaya hidup sihat, senaman berjalan kaki bukan sahaja mudah dilakukan oleh semua lapisan masyarakat, malah ia juga tidak memerlukan kos (perbelanjaan).

Antara manfaat utama berjalan kaki ialah meningkatkan kesihatan kardiovaskular. Aktiviti ini membantu menguatkan otot jantung, meningkatkan peredaran

darah dan menurunkan aras kolesterol.

Dengan mengamalkan berjalan kaki secara konsisten, kita berpeluang untuk menjaga kesihatan jantung dan mengekalkan tekanan darah pada paras yang normal. Selain itu, berjalan kaki juga berfungsi untuk mengawal berat badan, dalam usaha mencapai dan mengekalkan berat badan yang ideal, aktiviti ini membantu membakar kalori dan meningkatkan kadar metabolisme tubuh. Bagi mereka yang ingin menurunkan berat badan, digalakkan untuk berjalan kaki sekurang-kurangnya 30 minit sehari. Dengan cara ini, mereka dapat melihat perubahan positif dalam pengurusan berat badan mereka tanpa perlu menjalani diet yang ketat.

Manfaat lain berjalan kaki adalah dari segi kesihatan mental, di mana aktiviti ini terbukti dapat mengurangkan stres, tekanan dan meningkatkan mood.

Selain itu, berjalan kaki menyumbang kepada penguatan otot dan tulang. Aktiviti ini mampu

Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

meningkatkan kepadatan tulang dan mencegah masalah osteoporosis terutamanya bagi individu yang sudah berusia. Dengan otot dan tulang yang kuat, kita dapat meningkatkan daya tahan tubuh serta meminimumkan risiko mengalami kecederaan.

Kesimpulannya, senaman berjalan kaki adalah satu bentuk aktiviti fizikal yang amat

bermanfaat serta sesuai untuk semua orang, ia adalah sangat digalakkan untuk menjadikan berjalan kaki sebagai sebahagian daripada rutin harian demi mendapatkan faedah kesihatan yang optimum.

Luangkan masa untuk menikmati keindahan alam sambil menjaga kesihatan tubuh dan minda kita.

Tahukah Awda

PROJEK Memeduli Warga Emas dilancarkan pada 22 Jun 2005 oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pada ketika itu. Bagi Daerah Belait pula, ia dilancarkan pada 16 April 2007 oleh Pegawai Daerah Belait. Sementara itu, di Daerah Tutong, projek tersebut dilancarkan pada 14 Ogos 2008 oleh Yang Berhormat Ahli Mesyuarat Negara. Antara objektif projek ini ialah untuk meningkatkan taraf kehidupan warga emas daripada segi fizikal, emosi dan sosial, serta menyediakan bantuan dalam mengendalikan aktiviti kehidupan harian.

SUMBER : <http://www.japem.gov.bn/>

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

ORANG YANG BERTAKWA PALING MULIA DI SISI ALLAH